

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Kehang... 85. Fr.  
No Perolehan: T 6948  
Tarikh: 18 MAR 1986

MASALAH-MASALAH SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT LADANG:  
SATU KAJIAN KES DI LADANG PULAU CAREY BARAT, SELANGOR

OLEH:

FRANCIS SUBRAMANIAM  
NO. MATRIK 043940

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1984/85

## SINOPSIS

Ini adalah satu kajian kes ke atas satu masyarakat ladang dengan tujuan melihat masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh mereka.

Dalam bab pertama, tujuan, bidang, metode serta kesulitan kajian telah dibincangkan. Penulis telah menyentuh mengapa topik ini dipilih serta masalah-masalah yang dihadapinya dalam mengumpulkan data-data dengan berbagai kaedah.

Dalam bab kedua, kedudukan geografi dan sejarah kawasan kajian disentuh. Juga dibincangkan sejarah dan asal-usul penghuni di Pulau tersebut.

Dalam bab ketiga, masalah ekonomi telah dikupas secara 'detail'. Aspek-aspek ekonomi yang utama disentuh ialah masalah pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, tabungan dan hak milik. Dalam akhir bab ini, satu kesimpulan telah dibuat mengenai ekonomi ladang berkenaan.

Dalam bab keempat, penumpuan telah diberi terhadap masalah sosial. Di mana masalah-masalah pendidikan dan kemudahan-kemudahan asas ditinjau secara terperinci. Di akhir bab ini satu kesimpulan telah diberi mengenai masalah-masalah ladang ini.

Dalam bab kelima dan terakhir, pengkaji telah membuat

rumusan masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh golongan pekerja di ladang kajian ini. Juga telah diberi satu penilaian terhadap masalah-masalah ladang ini. Akhir sekali, pengkaji juga telah menyarankan beberapa langkah dan program yang harus dilakukan bagi mengatasi masalah kelas pekerja di ladang Carey Barat.

*(Kata-kata pengesahan)*

*(Penulis: JABAL)*

10

*(Penulis: JABAL)*

11

*(Penulis: JABAL)*

12

*(Penulis: JABAL)*

*(Penulis: JABAL)*

13

*(Penulis: JABAL)*

14

*(Penulis: JABAL)*

15

## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii - iii
KANDUNGAN	iv - v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vii - viii
BAB I: PENDAHULUAN	1
Tujuan Kajian	1
Bidang Kajian	2
Metode Kajian	3
Kesulitan Kajian	7
BAB 2: TEMPAT KAJIAN	11
Pendahuluan	11
Kedudukan Kawasan Kajian	10
Sejarah Tempat Kajian	11
Sejarah Penempatan Penduduk	14
BAB 3: MASALAH-MASALAH EKONOMI	
Sektor Perladangan di Malaysia	16
Struktur dan Susunan	
Pekerjaan di Ladang	20

SEMARAI RAJAH	Muka Surat
<b>Pola Pendapatan</b>	<b>26</b>
1. Isiruan Muka dalam sektor pertanian ladang	
<b>Pola Perbelanjaan</b>	<b>34</b>
2. Kadar Keuntungan per estet	
<b>Hutang</b>	<b>43</b>
3. Nukos hutang (1983 - 85) IMPS	
<b>Tabungan</b>	<b>45</b>
4. Tahap Pengeluaran dalam Bahasa Malaysia di Peringkat Nasional	
<b>Pemilikan Harta</b>	<b>47</b>
5. Sistem Pendidikan di Malaysia: Bilangan Sekolah, Guru dan Murid	
<b>Kesimpulan</b>	<b>50</b>
<b>BAB 4: MASALAH-MASALAH SOSIAL</b>	
<b>Sistem Pendidikan di Ladang</b>	<b>57</b>
<b>Kemudahan-kemudahan Kebajikan dan Sosial</b>	<b>82</b>
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	
<b>Ringkasan dan Penilaian Masalah-masalah sosio-Ekonomi</b>	<b>103</b>
<b>Cadangan-cadangan</b>	<b>115</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>121</b>

## SENARAI RAJAH

1. Isirumah miskin dalam sektor pertanian ladang	1
2. Kadar keuntungan di estet	2
3. Rekod kewangan (1983 - 85) HMPB	3
4. Tahap Pencapaian dalam Bahasa Malaysia di Peringkat Nasional	4
5. Sistem Pendidikan di Malaysia: Bilangan Sekolah, Murid-murid dan Guru.	5
6. Bilangan Pelajar-pelajar di Malaysia	6
7. Struktur pendidikan di Malaysia	7
8. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	8
9. Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris dalam Pelajaran	9
10. Rata-rata Pelajar-pelajar di Malaysia Tahun 1985	10
11. Rata-rata Pelajar-pelajar di Malaysia Tahun 1986	11
12. Rata-rata Pelajar-pelajar di Malaysia Tahun 1987	12
13. Rata-rata Pelajar-pelajar di Malaysia Tahun 1988	13
14. Rata-rata Pelajar-pelajar di Malaysia Tahun 1989	14
15. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	15
16. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	16
17. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	17
18. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	18
19. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	19
20. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	20
21. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	21
22. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	22
23. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	23
24. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	24
25. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	25
26. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	26
27. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	27
28. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	28
29. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	29
30. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	30
31. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	31
32. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	32
33. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	33
34. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	34
35. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	35
36. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	36
37. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	37
38. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	38
39. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	39
40. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	40
41. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	41
42. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	42
43. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	43
44. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	44
45. Jumlah Pelajar-pelajar di Malaysia	45

## SENARAI JADUAL

	Muka Surat
1. Bilangan Pekerja-Pekerja Bagi Estet-estet	18
2. Pengagihan Pekerjaan Mengikut Kaum	19
3. Jenis Pekerjaan Responden	20
4. Bilangan Pekerja-pekerja di ladang	22
5. Struktur Pekerjaan di Malaysia	22
6. Jangkamasa Pekerjaan dilakukan	24
7. Tahap Kepuasan Responden Dalam Pekerjaan	
8. Gaji Purata Pekerja-pekerja Estet Ladang Kalapa Sawit	27
9. Kaedah Pembayaran Gaji di ladang kelapa Sawit	29
10. Kadar Gaji Bagi 'Harvester' Kelapa Sawit	30
11. Gaji Purata Bulanan di ladang	32
12. Bilangan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan	33
13. Jumlah Pendapatan Isirumah	33
14. Perbelanjaan Purata Bulanan Isirumah	35
15. Pola Perbelanjaan 5 isirumah yang terpilih	37
16. Pola Perbelanjaan ke atas Makanan	38
17. Pola Perbelanjaan ke atas Persekolahan, Kesihatan dan Pengangkutan	41
18. Bilangan dan Peraturan Responden Mengalami hutang	44
19. Sebab-sebab isirumah berhutang	45

## Muka Surat

20. Tabungan Responden	46
21. Pemilikan Harta Isirumah	48
22. Pemilikan alat-alat Penggunaan	49
23. Taraf Pendidikan Responden Lelaki	60
24. Taraf Pendidikan Responden Wanita	62
25. Tahap Pendidikan Anak-anak Responden	64
26. Prestasi Peperiksaan Penilaian Darjah 5	68
27. Prestasi Dalam Bahasa Malaysia	69
28. Pencapaian di S.R.P.	71
29. Masa Diperuntukan bagi Bahasa Malaysia di Peringkat Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Tamil	81
30. Tempat mendapat rawatan	85
31. Tempat Kelahiran anak-anak terakhir	86
32. Kepuasan kemudahan kesihatan	87
33. Kekerapan pergi ke pekan	96



"Government Copyright is Reserved  
The approval of the Surveyor General, Malaya is necessary before  
any Survey Department map or portion thereof may be copied."

Survey Dept., Federation of Malaya No. 31 - 1963

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Dalam bab ini dua aspek utama akan dihuraikan, yakni tujuan kajian dan bidang kajian. Juga akan dibincangkan kaedah dan masalah kajian.

#### 1. Tujuan Kajian

Kajian ini adalah sebuah 'Kajian Kes' bagi meninjau masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat ladang iaitu di ladang Pulau Carey Barat, Selangor.

Beberapa persoalan sosio-ekonomi seperti pendapatan, pekerjaan, perbelanjaan, hak milik, simpanan, pendidikan, kemudahan asas akan ditinjau. Sebab-sebab wujudnya masalah ini akan dianalisa serta akan dikemukakan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah ini.

Masyarakat ladang sudah lama tersisih dari arus perkembangan dan pembangunan nasional. Mereka adalah 'forgotten people of Malaysia', mengikut N.J. Colleta,<sup>1</sup> Golongan ini juga dikenalpasti sebagai 'kumpulan miskin' oleh kerajaan. Mengikut Rancangan Malaysia Keempat kadar kemiskinan di kalangan pekerja ladang ialah 35.1% pada tahun 1980 dan ia telah meningkat kepada 54.6% pada tahun 1983.<sup>2</sup> Manakala jumlah isirumah yang miskin telah bertambah dari 37.9% pada tahun 1980 kepada 57.7% pada tahun 1983.<sup>3</sup>

Jadi, adalah penting untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai masalah sosio-ekonomi masyarakat ladang yang telah menyumbangkan dengan banyak kepada ekonomi negara.

Walaupun, banyak kajian-kajian telah dijalankan ke atas masalah sosio-ekonomi masyarakat ladang, misalnya kajian oleh Dr. T. Marimuthu,<sup>4</sup> N.J. Colleta,<sup>5</sup> Shirlie Gordon,<sup>6</sup> Wiebe dan Mariappan,<sup>7</sup> Rabindra Daniel,<sup>8</sup> Chaiku M. Said<sup>9</sup> dan sebagainya. Namun begitu kajian ini akan mengemaskinikan data-data dan fakta-fakta tentang keadaan dan masalah sosio-ekonomi masyarakat ladang.

## 2. Bidang Kajian

Ini adalah suatu kajian 'qualitative'. Adalah sukar bagi pengkaji menjalankan kajian '<sup>n</sup>qualitative' di kesemua ladang di Malaysia, kerana kesuntukan masa dan kewangan. Jadi, kaedah kajian kes ini digunakan.

Kajian ini akan mengupas dan menganalisa beberapa masalah sosio-ekonomi masyarakat ladang di Pulau Carey Barat.

Pertama-tamanya, dalam bab ke 3 masalah-masalah ekonomi akan ditimbulkan. Aspek-aspek yang ditinjau ialah masalah-masalah pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, hak milik, simpanan dan hutang.

Dalam bab ke 4, masalah-masalah sosial akan dikaji. Skop

kajian masalah pendidikan dan kemudahan-kemudahan sosial dan kebijakan.

Dalam bab yang akhir, suatu kesimpulan akan dibuat mengenai masalah-masalah sosio-ekonomi yang wujud di ladang Pulau Carey Barat. Cadangan-cadangan juga akan dikemukakan untuk mengatasi masalah tersebut.

### 3. Metode Kajian

Bagi mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat yang sesuai dari responden pengkaji telah menggunakan berbagai-bagai kaedah yang difikirkan perlu dan sesuai. Di antara kaedah-kaedah tersebut ialah:

- i. Soalselidik (Questionnaire)
  - ii. Pemerhatian penyertaan (Participant observation)
  - iii. Temubual (Inverview)
  - iv. Rujukan Perpustakaan (Library Reference)
- i. Soalselidik

Borang soalselidik yang digunakan oleh pengkaji adalah disediakan oleh Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya bagi projek 'Kajian Kemiskinan di Malaysia'. Kajian pengkaji ini merupakan sebahagian dari projek tersebut yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

Dalam mendapat maklumat melalui metode soalselidik seramai 50 orang responden telah dipilih dari ladang Pulau Carey Barat.

Responden-responden tersebut terdiri dari ketua irirumah atau suri rumahtangga. Kaedah soalselidik ini digunakan bagi memperolehi maklumat-maklumat seperti pendapatan, perbelanjaan, masalah pekerjaan, taraf pelajaran dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan skop kajian.

Soalselidik ini adalah dalam dua bentuk. Pertama, bersifat 'structured close-ended' atau soalan-soalan tertutup. Bentuk kedua ialah bersifat 'structured open-ended' atau soalan-soalan terbuka.

Soalan-soalan yang berbentuk tertutup adalah sesuai bagi mendapatkan data-data mengenai pendapatan, peringkat pendidikan, simpanan dan sebagainya. Tujuan pengkaji berbuat demikian adalah untuk memudahkan pengklasan dan penganalisaan.

Sementara soalan-soalan yang berbentuk terbuka adalah berguna untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang lebih 'detail' serta dapat meninjau pandangan-pandangan responden terhadap sesuatu isu, misalnya "Apakah masalah-masalah yang utama anda menghadapi dalam ladang ini?" Soalan-soalan seperti ini tidak boleh dihadkan kepada pemilihan beberapa jawapan sahaja. Ini kerana setiap responden mempunyai masalah yang berlainan.

Kaedah soalselidik ini selalunya digunakan untuk memungut maklumat dari orang-orang yang telah dipilih dalam kajian. Faedah utamanya adalah keupayaan untuk menstandardisasikan maklumat yang telah dipungut dan oleh itu mengurangkan berat sebelah pihak menyoal dan membolehkan analisis perbandingan data-data tersebut.

ii. Pemerhatian Penyertaan (Participant Observation)

Salah satu daripada cara penyelidikan yang digunakan untuk kajian luar ialah teknik penyertaan pemerhatian. Teknik ini banyak sekali mendatangkan maklumat mengenai kehidupan komuniti yang dikaji.

Pengkaji telah tinggal bersama-sama dengan penduduk di situ bagi tempoh selama sebulan. Dalam tempoh masa tersebut pengkaji mengetahui secara lebih mendalam masalah-masalah sosio-ekonomi yang dialami oleh masyarakat ladang. Metode ini juga telah membantu pengkaji mendapatkan keterangan-keterangan lanjut dan lain-lain maklumat yang sukar diperolehi melalui kaedah soalselidik dan temuramah.

Di samping itu, teknik ini juga berfaedah dari segi menjalin hubungan yang rapat di antara pengkaji dengan responden. Ini telah melicinkan penyelidikan pengkaji. Teknik pemerhatian penyertaan ini juga berguna bagi menguji dan menguatkan kebenaran jawapan yang diberikan oleh responden-responden.

Jadi, daripada metode ini pengkaji telah mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang keadaan sosio-ekonomi masyarakat ladang Carey Barat ini.

iii. Kaedah Temuramah (Interview)

Kaedah temubual banyak sekali memberikan maklumat bagi kajian ini. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan. Temuramah yang dilakukan adalah tidak formal iaitu secara perbualan, perbincangan dan keterangan tertentu. Di antara mereka yang ditemuramah, adalah terdiri dari pegawai-pegawai kesatuan sekerja (Union officials) pemimpin-pemimpin belia, pekedai-pekedai kopi dan runcit serta juga pegawai-pegawai dalam pejabat ladang (Estate Office).

Dengan cara temuramah pengkaji juga dapat mengemukakan kembali soalan-soalan sekiranya terdapat keraguan dalam jawapan yang diberikan dalam soalselidik. Dengan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kesilapan-kesilapan penyelidikan.

iv. Rujukan Perpustakaan

Rujukan di perpustakaan telah dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai tajuk kajian, terutama sekali maklumat-maklumat yang sangkut paut dengan aspek sosio-ekonomi pekerja-pekerja ladang. Ia bertujuan untuk mendapatkan sedikit sebanyak panduan daripada hasil-hasil kajian pengkaji-pengkaji

yang sebelum ini.

#### 4. Kesulitan Kajian

Dalam membuat penyelidikan ini, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah. Pertama-tamanya, ialah kesukaran mendapat izin dari pihak majikan (Harrison Malaysia Plantation Bhd. atau HMPB). Mereka bimbang kalau-kalau kajian ini akan diterbitkan. HMPB merasa pendedahan masalah penduduk Pulau Carey akan menimbulkan berbagai masalah dan menjelaskan imej HMPB. Pengkaji beberapa kali terpaksa berulang alik di antara Ibu Pejabat HMPB di Kuala Lumpur dengan Pejabat ladang di Pulau Carey untuk mendapat kebenaran menjalankan penyelidikan. Akhirnya, majikan memberi kebenaran selepas pengkaji meyakinkan bahawa kajian ini semata-mata bagi tujuan akademik.

Selain daripada ini, kesukaran juga dihadapi bagi mendapatkan keterangan-keterangan yang benar dan tepat dari responden. Walau-pun dari segi metode ia sesuai untuk mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai responden tetapi ini tertakluk pada budi bicara responden untuk memberikan jawapan yang sebenarnya.

Disebabkan pada masa kajian ini dijalankan, pertikaian gaji bulanan di antara MAPA dan NUPW menjadi isu hangat di kalangan pekerja-pekerja ladang di Pulau Carey. Maka kedatangan pengkaji telah menimbulkan rasa curiga responden. Mereka menyangka pengkaji adalah agen MAPA atau kerajaan dan datang untuk menyelidiki keadaan hidup


mereka. Untuk mengatasi masalah ini responden-responden yang disoalselidik terlebih dahulu terpaksa diterangkan secara panjang lebar mengenai tujuan penyelidikan yang dijalankan.

Pengkaji juga telah menghadapi masalah pengangkutan. Tempat tinggal sementara pengkaji (rumah Posman) terletak 3 kilometer dari kawasan kajian. Pengkaji terpaksa berjalan kaki sepanjang hari, bagi menjalankan tugas. Ini adalah kerana di ladang ini tidak terdapat sebarang jenis pengangkutan awam.

Kesulitan-kesulitan di atas merupakan sebahagian daripada masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji ketika menjalankan kajian ini. Masalah-masalah sedemikian adalah lumrah dalam kajian-kajian kerjeluar (Fieldwork). Pengkaji berharap semua data-data serta maklumat yang diperolehi adalah tepat bagi membolehkan pengkaji membuat kajian yang jitu dan berhasil.

Notakaki

1. N.J. Colleta 'Malaysia's forgotten people: education, cultural identity and socio-economic mobility among south Indian Plantation Workers' Contribution to Asian Studies, Vol. 7, (Jan. 1975), pp. 87 - 112.
2. Rancangan Malaysia Keempat (RME) Jadual 3.2 (m.s. 38 - 39) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Jadual 3.2
3. Ibid., m.s. 38 - 39
4. Marimuthu, T., 'Norms and Values of Plantation Workders' paper presented at the seminar Nilai dan Norma Masyarakat-masyarakat Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Malaysia, Mac 1978
5. N.J. Colleta Op. Cit.
6. Shirlie Gordon, 'The Condition of our Plantation Workers' Intisari (Singapore, 1970) Vol. 3, No. 4 m.s. 49 - 55
7. Wiebe dan Mariappan, Indian Malaysian: the view from the Plantation, Delhi, Manohar, 1978
8. Daniel J. Rabindra, 'A Socio-economic Study of the Indians in the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Selangor', M.A. thesis, University of Malaya, 1978
9. Chaiku M. Said Amat, 'Socio-economic Problems of the Plantation Workers: A Case Study, - Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1972.



*Pemandangan Jambatan Pulau Carey dari udara*

## BAB II

### 2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini kita akan meninjau kedudukan kawasan serta sejarah tempat dan penduduk Pulau Carey Barat ini.

### 2.2 Kedudukan Kawasan Kajian

Pulau Carey terletak di Daerah Kuala Langat, negeri Selangor. Luas kawasannya ialah 140 kilometer persegi. Ianya lebih kurang seluas separuh daripada kawasan Wilayah Persekutuan. Sebahagian besar daripada Pulau Carey mengandungi empat buah estet iaitu 'North' (Utara), 'South' (Selatan), 'East' (Timur) dan ladang 'West' (Barat). Pulau Carey ini adalah sebuah daripada gugusan pulau-pulau di Selat Kelang. Bahagian utara dan timur Pulau ini dipisahkan oleh Sungai Langat manakala di selatan dan baratnya pula terbentang membiru Selat Melaka. Cara pengangkutan yang utama ke Pulau Carey sehingga kini ialah dengan 'Launch'<sup>1</sup> (perahu penumpang) dan juga dengan 'Ferry'. Akan tetapi baru-baru ini sebuah jambatan telah dibina yang menghubungkan tanah besar (Teluk Penglima Garang) dengan bahagian utara Pulau ini. Cara pengangkutan utama ke bahagian barat dan ke Selatan Pulau ini ialah melalui 'Launch' yang berlepas sejam sekali dari Pelabuhan Kelang Selatan (Pelabuhan lama). Masa perjalanan dari Pelabuhan Kelang Selatan ke Pulau Carey ialah lebih kurang 45 minit.

### 2.3 Sejarah Tempat Kajian

Pulau Carey mendapat namanya dari seorang kapitalis British yang bernama Carey. Pada tahun 1905 Sultan Selangor Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1898-1938) telah menganugerahkan 5,000 ekar kawasan tanah di Pulau tersebut kepada Carey dan Syarikatnya bagi mengusahakan tanah tersebut bagi tujuan-tujuan pertanian.<sup>2</sup> Pada masa itu Pulau tersebut tidak didiami oleh manusia malah ia adalah dipenuhi dengan hutan belukar. Lagi pun, tidak ada sebarang jalan perhubungan di antara tanah besar dengan pulau tersebut melainkan dengan tongkang.

Jadi, Pulau tersebut yang dikenali sebagai 'Tanah Jugra' masa itu telah menjadi cabaran yang hebat kepada Carey dan pekerja-pekerja India di bawahnya yang akhirnya berjaya membersihkan kawasan-kawasan hutan dan mengubahkannya kepada tanah pertanian. Pada tahun 1908 Pulau Carey telah ditanam dengan teh dan kopi. Memandangkan kegigihan usaha Carey, Duli Yang Mulia Sultan Alauddin (Selangor) telah memberikan tambahan 5,000 ekar lagi kawasan tanah kepadanya.<sup>3</sup> Di samping tanaman teh dan kopi, kelapa juga telah ditanam secara besar-besaran pada awal tahun 1910. Aktiviti perladangan ini berjalan terus untuk beberapa tahun sehingga ia diubah kepada tanaman getah pada tahun-tahun 1920an bilamana harga getah melambung naik di pasaran dunia. Pada masa itu wujud 'rubber boom' akibat daripada perkembangan perusahaan kenderaan yang memerlukan getah dengan banyak.

Peruntukan ini amat menguntungkan kapitalis British terutama sekali apabila harga getah melambung naik dengan tercetusnya Perang Korea pada tahun-tahun 1950an. Pada penghujung tahun-tahun 1950an satu lagi tanaman baru iaitu kelapa sawit telah diperkenalkan secara besar-besaran. Pertukaran dari getah kepada kelapa sawit dilakukan kerana harga getah tidak stabil dan ia sering turun naik (fluctuates) dengan pesat di pasaran dunia. Lagipun, didapati keadaan alam sekitar di Pulau Carey lebih sesuai bagi tanaman kelapa sawit. Maka dengan itulah secara beransur-ansur dan menjelang pertengahan tahun-tahun 1960an sebahagian besar dari Pulau Carey ditanam dengan kelapa sawit.

Sekali lagi pertukaran ini amat menguntungkan golongan bourgeois asing dan seterusnya telah mendorong pembukaan tanah-tanah baru di Pulau ini.

Dalam pada itu bagi mendapatkan keuntungan cepat (quick profit/quick money) Carey telah menjual saham Syarikatnya di pasaran saham atau 'floated' Syarikat beliau.<sup>4</sup> Maka pada tahun 1961 sebuah Syarikat 'Multi-nasional' baru yang berorientasikan British telah mengambil alih ladang-ladang di Carey. Nama Syarikat tersebut ialah Harrison and Crossfield (H&C).

Keluasan tanaman sawit bertambah luas apabila sebahagian besar daripada tanah-tanah yang dahulunya direndami oleh air masin

dipulihkan dengan penambahan tanah dan pembinaan pintu-pintu air hasil daripada pengalaman dan juga penyelidikan intensif yang dijalankan oleh Syarikat Harrison and Crossfield. Dengan pengeluaran yang bertambah sebuah kilang sawit telah didirikan di Ladang Barat (West Estate) pada tahun 1964. Pada tahun yang sama juga perkhidmatan feri telah diperkenalkan.

Harrison and Cross field telah memiliki sepenuhnya ladang-ladang di Pulau Carey sehingga 1hb. Oktober 1982 apabila Syarikat tersebut disusun semula (restructured) dan sebuah Syarikat baru Harrison Malaysia Plantation Berhad (HMPB) ditubuhkan hasil dari satu skima di antara Harrison and Crossfield PLC of London (H&C) dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di mana HMPB telah memiliki keseluruhan modal yang diterbit (issued capital) Harrisons Malaysian Estates PLC (HME). Dengan skima itu PNB telah memiliki 58.46% saham modal yang diterbitkan (issued share capital) manakala 30.31% dimiliki oleh H & C dan baiknya iaitu 11.23% dimiliki oleh orang awam. Jadi dari 1hb. Oktober Harrison Malaysia Plantation Berhad (HMPB) sebuah Syarikat pemilikan majoriti bourgeois tempatan telah memiliki sepenuhnya ladang-ladang di Pulau Carey.<sup>5</sup>

Di bawah HMPB industri kelapa sawit di Pulau Carey telah berkembang dengan pesat. Ini memandangkan harga pasaran kelapa sawit yang tinggi. Pada masa sekarang terdapat seluas 9,359.99 hektar yang ditanam dengan kelapa sawit sementara koko juga di

tanam khususnya di Ladang North. Kawasan yang ditanam dengan koko ialah seluas 790 hektar.

HMPB juga telah mendirikan sebuah lagi kilang sawit yang berkemampuan memproses 20 metrik tan sejam di Ladang East pada tahun 1982. Sebuah kilang memproses biji koko juga telah didirikan pada tahun yang sama.

Pada tahun 1984, berikutan daripada keuntungan yang besar HMPB telah memutuskan untuk membina sebuah jambatan bagi menyambungkan Pulau Carey dengan tanah besar. Pembinaan jambatan yang bernilai \$3.1 juta telah siap pada bulan April 1985 dan dibuka secara rasmi oleh Sultan Selangor DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 31hb. Julai 1985.<sup>6</sup>

#### 2.4 Sejarah Penempatan Penduduk

Pihak British telah membawa seramai 100 orang buruh dari bandar Madras dan Nagapatnam di sekitar tahun-tahun 1905 - 1908, untuk bekerja di Pulau ini.

Dari 100 orang penduduk awal itu, kini ia bertambah kepada 5,000 orang. Sebahagian besar dari penduduk Pulau Carey ialah orang-orang Tamil. Mereka merangkumi 95% daripada jumlah penduduk Pulau ini. Baki 5% adalah terdiri dari orang asli.<sup>7</sup>

Notakaki

1. Kapal kecil atau perahu yang dijalankan dengan menggunakan kuasa petrol dan digunakan bagi membawa penumpang di sungai, tasik atau pelabuhan
2. Sumber: Wawancara dengan pegawai-pegawai Harrison Malaysia Plantation Berhad (HMPB) serta rekod-rekod HMPB
3. Ibid
4. Ibid.
5. Laporan Tahunan HMPB 1983, p. 5
6. Buku Cenderamata 1985 - keluaran HMPB sempena pembukaan jambatan Pulau Carey Pada 31hb. Julai 1985
7. Rekod-rekod HMPB Op. Cit.

## BAB III

### MASALAH-MASALAH EKONOMI

#### Pendahuluan

Dalam bab ini masalah-masalah ekonomi ladang akan ditinjau. Masalah-masalah ekonomi yang disentuh ialah masalah pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, simpanan, hutang dan hak milik.

#### 3.1 Sektor Perladangan di Malaysia

Industri perladangan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Tanaman ladang merupakan salah satu sumber utama kekayaan negara. Pada tahun 1983 kedua-dua komoditi getah dan kelapa sawit dengan bersama menghasilkan \$6,661 juta atau 20.2% dari jumlah pendapatan ekspot negara.<sup>1</sup>

Kita akan mengkhususkan perbincangan kepada industri kelapa sawit dalam sektor perladangan kerana ia adalah tanaman utama di ladang Carey Barat. Lagi pun, kesemua responden bekerja dalam industri kelapa sawit.

Dengan luas kawasan tanaman sebanyak 1,226,600 hektar dan sumbangan \$2,977 juta kepada pendapatan ekspot pada tahun 1983, kelapa sawit merupakan industri yang keempat pentingnya sebagai sumber kepada jumlah pendapatan ekspot negara.<sup>2</sup> Industri

ini menyediakan peluang pekerjaan kepada 92,450 orang pada tahun 1982.<sup>3</sup> Ini merangkumi 37.2% daripada keseluruhan gunatenaga dalam sektor perladangan. Jumlah gunatenaga ini adalah satu peningkatan yang besar kerana pada 1975 ia hanyalah 66,520 orang atau 25.4% daripada jumlah gunatenaga sektor perladangan (rujuk jadual 3.1)

Pertambahan dalam gunatenaga adalah paling pesat dalam perusahaan minyak kelapa sawit. Di antara tahun 1975 dan 1982 peratusan pertambahan gunatenaga ialah 11.8% bagi perusahaan getah di mana ianya telah jatuh sebanyak 11.9%, yakni dari 71.6% (1975) kepada 59.7% (1982)

Mengikut Laporan Buruh (Lihat jadual 3.2) jumlah gunatenaga di sektor perladangan ialah seramai 235,599 orang. Orang-orang India merupakan golongan proletariat yang terbesar sekali di sektor perladangan. Pada tahun 1980 jumlah pekerja India ialah 121,120 orang atau 45% daripada jumlah gunatenaga. Angka ini telah meningkat kepada 128,777 orang atau 55% daripada keseluruhan gunatenaga pada tahun 1983 (jadual 3.2). Manakala jumlah orang-orang Melayu ialah 95,830 orang atau 38% pada tahun 1980 dan ia menurun kepada 80,842 orang atau 34% pada tahun 1983. Orang-orang Cina pula ialah 35,500 orang atau 14% pada tahun 1980 dan ia menurun kepada 23,694 atau 10% pada 1983. Jadi, bilangan pekerja-pekerja India telah meningkat dalam tempoh di antara tahun 1980 dan 1983 sebanyak 10% atau seramai 7,657 orang. Sebaliknya, bilangan

Jadual 3.1 : Anggaran Bil. Pekerja Bagi Estate-Estate  
Pada 31hb Julai, 1975 - 1982.

Jenis Ladang	Tahun															
	1975		1976		1977		1978		1979		1980		1981		1982	
	Bil.	%														
Getah	187,250	71.6	178,930	69.2	174,990	68.0	177,270	70.7	170,670	67.0	167,210	66	164,620	67.3	148,294	59.7
Kelapa	3,450	1.3	3,530	1.4	3,550	1.4	3,410	1.4	4,110	1.6	3,710	1.5	3,306	1.3	4,328	1.8
Kelapa Sawit	66,520	25.4	71,720	27.8	70,780	27.9	65,500	26.1	75,400	29.6	77,840	30.8	72,747	29.7	92,450	37.2
Teh	3,470	1.3	3,010	1.2	3,240	1.3	3,060	1.2	2,970	1.2	2,780	1.1	2,510	1.0	1,951	0.8
Nenas	1,050	0.4	1,100	0.4	1,420	0.5	1,610	0.6	1,740	0.6	1,630	0.6	1,430	0.6	1,376	
Jumlah	261,740	100	258,290	100	253,980	100	250,880	100	258,980	100	253,170	100	244,613	100	248,449	100

Jadual 3.2: Pengagihan Pekerjaan Mengikut Kaum Dalam Sektor Ladang Di Semenanjung Malaysia

Bangsa	1980	%	1981	%	1982	%	1983	%
Melayu	95,830	38	92,063	37.6	92,249	37.1	80,842	34
Cina	35,500	14	34,273	14.1	30,419	12.2	23,694	10
India	121,120	45	117,609	48.0	124,114	50.0	128,777	55
Lain-lain	720	0.3	668	0.3	1,667	0.7	2,286	1
Jumlah	253,170	100	244,613	100.0	248,449	100.0	235,599	100

Sumber: Laporan Buruh 1983/84 hal. 49

pekerja-pekerja Melayu dan Cina telah menurun.

Orang-orang India masih merupakan golongan proletariat yang terbesar di sektor perladangan.

### 3.2 Struktur dan Sususnan Pekerjaan di Ladang Carey Barat

Struktur pekerjaan di peringkat nasional dicerminkan di Pulau Carey. Di ladang Carey Barat juga majoriti daripada pekerja-pekerja adalah terdiri daripada orang-orang India. Malah 98% daripada pekerja-pekerja di ladang ini adalah kaum keturunan India. Jumlah responden masing-masing kaum orang responden

Jumlah pekerja-pekerja ladang ini ialah lebih kurang 237 orang, termasuk pengurus dan pegawai-pegawai pentadbiran dan perkeranian. (rujuk jadual 3.4)

**Jadual 3.3: Jenis Pekerjaan Responden**

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Harvester	23	46
Weeder	11	22
Pruners	6	12
Buruh Am	6	12
Pekerja kilang	4	8
Jumlah	50	100

Daripada jadual 3.3 ini kita mendapati seramai 23 orang responden bekerja sebagai 'Harvester.' Mereka merangkumi 46% daripada jumlah responden. Pekerjaan 'Harvester' ini ada 2 jenis. Satu 'checkroll Harvester' atau bekerja secara langsung di bawah pemilik estet dan 'Harvester Kontrek' yang dikerjakan oleh sub-kontrektor di estet. Di Pulau Carey Barat ini sebilangan besar daripada 'Harvester' ialah 'Checkroll Harvester'. Seramai 11 orang responden melakukan pekerjaan sebagai 'Weeder'. Mereka merangkumi sebanyak 22% daripada jumlah responden. Mereka dikerjakan terus oleh majikan. Begitulah juga dengan 'Pruners' dan Buruh Am yang merangkumi 12% daripada jumlah responden masing-masing. Baki 4 orang responden bekerja di kilang minyak kelapa sawit yang terletak di Pulau Carey Barat ini.

Jumlah keseluruhan pekerja-pekerja di estet ini ialah lebih kurang 237 orang. Ini termasuk pengurus, pembantu pengurus serta pegawai-pegawai perkeranian dan pentadbiran.


Sebilangan besar daripada pekerja-pekerja di ladang Carey Barat adalah buruh. Hanya segelintir kecil yang menjawat jawatan bukan buruh seperti Pengurus, Pembantu Pengurus dan sebagainya. Struktur pekerjaan di estet ini berbentuk 'Piramid'. Struktur pekerjaan Pulau Carey Barat ini mencerminkan struktur pekerjaan di peringkat nasional.

Jadual 3.4: Bilangan Pekerja-pekerja di Ladang Carey Barat Mengikut Jenis Pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Jumlah
Harvester	80
Weeder	40
Pruners	20
Pekerja Kilang	35
Buruh Am	40
Mandur/Kepala	18
Pembantu Hospital (H.A)	3
Pembantu Pengurus	1
Pegawai Perkeranian	10
Pengurus	1
Jumlah	237

Sumber: Laporan Tahunan Pengurus Ladang (1984)

Jadual 3.5: Struktur Pekerjaan di Malaysia, 1980



Sumber: Rancangan Malaysia Keempat - Jadual 9.6

### 3.2.1 Kerja Sambilan

Walaupun gaji pekerja-pekerja di ladang Carey Barat adalah rendah (rujuk Jadual 3.11) namun peratusan yang melakukan kerja sambilan (secondary occupations) adalah amat rendah. Daripada 50 responden yang dikaji hanya seorang sahaja mempunyai kerja sambilan. Yang lain 98% tidak mempunyai sebarang kerja sambilan. Biasanya pekerja-pekerja akan menghabiskan kerja mereka pada 2 petang saban hari dan selepas itu mereka tidak melakukan sebarang kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan mereka. Ini kerana di Pulau ini peluang-peluang pekerjaan tambahan adalah amat terhad. Pekerja-pekerja ini juga mendapati sukar mencari pekerjaan di luar Pulau ini kerana ia adalah jauh (25 batu ke bandar Kelang) lagi pun tidak ada kemudahan-kemudahan pengangkutan awak seperti bas. Orang-orang yang memiliki kenderaan sendiri adalah terhad. Jadi, semua ini menghalang pekerja-pekerja ladang dari memperolehi pendapatan tambahan (supplementary income).

### 3.2.2 Mobiliti Pekerjaan

Mobiliti pekerjaan mendatar (horizontal mobility) dan mobiliti atasan (vertical mobility) di kalangan pekerja-pekerja di Pulau Carey Barat adalah amat rendah. Mobiliti atasan boleh dikatakan langsung tidak wujud. Struktur pekerjaan di estet yang bercorak kapitalis itu adalah 'rigid' dan 'oppressive' dan ia tidak

Jadual 3.6: Jangkamasa Jenis Pekerjaan Dilakukan

Bil. Tahun Bekerja	Jenis Pekerjaan		
	Harvester	Weeder	Pruners
5 - 10 tahun	2	2	2
10 - 15	3	5	3
15 - 20	10	3	-
20 - 25	8	1	1
Jumlah	23	11	6
Jumlah Purata Tahun Bekerja	15.21	11.36	10

memberikan banyak skop kepada pekerja-pekerja bagi mencapai mobiliti atasan atau mendatar.

Ramai daripada responden melakukan pekerjaan yang sama bagi satu jangkamasa yang begitu panjang. Mengikut jadual 3.6 jumlah purata tahun bekerja bagi responden dalam 3 kategori pekerjaan utama melebihi 10 tahun. Bagi responden-responden yang bekerja sebagai 'Harvester' purata tahun pekerjaan ialah 15.21 tahun, bagi 'Weeder' ialah 11.36 tahun dan 'Pruners' ialah 10 tahun. Responden-responden di Carey Barat didapati bekerja begitu lama dalam pekerjaan yang sama. Ini mungkin memberi gambaran bahawa mereka puas dan cukup selesa dengan pekerjaan mereka. Ini sebenarnya tidak benar. Sebaliknya, ramai daripada responden

tidak puashati dengan pekerjaan mereka malah ada yang sungguh kecewa. Kenyataan ini boleh diperkuatkan oleh statistik mengenai 'tahap kepuasan responden dalam pekerjaan' di bawah:

Jadual 3.7: Tahap Kepuasan Responden Dalam Pekerjaan

	Jumlah Responden	Peratus
Amat puas	-	-
Puas	1	2
Kurang puas	2	4
Tidak puas	45	90
Tiada Response	2	4
Jumlah Responden	50	100

Dari jadual di atas didapati bahawa 90% atau 45 daripada responden tidak puashati langsung dengan pekerjaan mereka. Jadi di sini mungkin timbul satu 'kontradiksi' iaitu di satu pihak responden bekerja bagi satu jangkamasa yang panjang tetapi dalam masa yang sama mereka tidak puashati dengan pekerjaan yang mereka lakukan. Ini bukanlah satu 'kontradaksi' tetapi satu masalah yang serius yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di ladang ini. Mereka mendapati sukar menukar pekerjaan lain kerana tidak ada alternatif. Beberapa faktor-faktor seperti taraf pelajaran yang

rendah dan masalah pengangkutan awam adalah di antara beberapa masalah yang menghalang mobiliti pekerjaan di kalangan proletariat ladang ini.

### 3.3 Pola Pendapatan

Dalam bahagian ini pendapatan pekerja-pekerja ladang kelapa sawit akan ditinjau dalam konteks nasional dan kemudian itu akan ditumpukan di peringkat mikro iaitu di ladang Carey Barat.

Pada 8hb. Mac 1974 pada pertama kali dalam sejarah satu perjanjian telah ditandatangani di antara MAPA (Malaysian Agricultural Producers Association) dengan NUPW (Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang) mengenai struktur gaji bagi buruh-buruh ladang kelapa sawit.<sup>4</sup> Perjanjian itu dikenali sebagai Perjanjian Pemungut-Pemungut (Harvesters) kelapa sawit kebangsaan (National Oil Palm Harvesters Agreement). Perjanjian itu dikajisemula pada kali terakhir dalam tahun 1983.

Mengikut perjanjian tersebut gaji-gaji pekerja dibayar mengikut kadar atau 'piece meal' dan juga gaji harian. Sebenarnya, gaji pekerja ini ditentukan oleh beberapa faktor seperti harga pasaran minyak kelapa sawit, keadaan cuaca dan jumlah hari bekerja. Maka sebab itulah gaji pekerja-pekerja sering turun naik.

Jadual 3.8: Gaji Purata Pekerja-Pekerja Estet Ladang Kelapa  
Sawit Di Antara Tahun-tahun 1973 - 1983

Tahun	Mandores/ Kepala	Harvesters	Weeders	Arsenite Sprayers	Pruners	Factory Workers	Total Number of Workers
1975	189	209	96	159	176	196	66,526
1976	200	181	127	142	151	235	71,720
1977	225	205	126	149	192	229	70,780
1978	241	249	136	177	193	261	65,550
1979	263	276	143	179	240	235	75,400
1980	308	344	178	288	215	323	77,840
1981	315	258	186	244	352	324	72,747
1982	357	425	173	312	295	374	92,450
1983	550	332	196	265	296	420	92,810

Sumber: 'Annual Survey of Employment and Earnings, Research and Planning Division  
Ministry of Labour'

Mengikut jadual 3.8 gaji purata 'Harvesters' di peringkat nasional ialah \$332.00 pada tahun 1983. Ia adalah lebih rendah daripada gaji pada tahun 1982 di mana puratanya ialah \$425.00. 'Weeders' mendapat gaji purata sebanyak \$196.00. Manakala bagi 'Pruners' adalah \$296.00. 'Mandore' mendapat gaji purata \$550.00 sebulan.

Kaedah pembayaran gaji dalam perusahaan kelapa sawit adalah berbeza mengikut jenis pekerjaan yang dilakukan. Mereka yang bekerja sebagai 'Harvesters' sebahagian besarnya iaitu 87% mendapat bayaran mengikut kadar atau 'Piece rated'. Pemangkas atau 'Pruners' juga mendapat bayaran mengikut kadar. Bagi 'Weeders' 91% daripada mereka mendapat gaji harian (daily rated). Bagi ketiga-tiga kategori pekerja di atas pendapatan mereka adalah terikat atau tertakluk kepada harga pasaran minyak kelapa sawit. Akan tetapi sebilangan besar Mandore (55%) dan pekerja-pekerja kilang (84%) mendapat gaji bulanan yang tetap. Ini dapat dilihat dalam jadual 3.9.

'Harvesters' yang merangkumi majoriti pekerja dibayar mengikut setiap 100 lb buah yang mereka bawa. Bayaran itu terikat kepada harga kelapa sawit. Sebagai misalan seorang 'Harvester' dalam 'Yield bracket' 5 - 6 tan seekar setahun apabila harga minyak kelapa sawit di antara \$900.00 - 999.00 mereka akan dibayar 44 sen bagi setiap 100 lb. (rujuk jadual 3.10). Seorang 'Harvester'

Jadual 3.9: Kaedah Pembayaran Gaji Di Ladang-ladang Kelapa Sawit

Pekerjaan	Daily Rated %	Monthly Rated %	Piece Rated %	Average Number Of Days Worked
Mandores	38	55	7	25
Harvesters	3	10	87	23
Weeders	91	4	5	23
Arsenite Sprayers	45	-	55	20
Pruners	13	-	87	22
Factory Workers	15	84	1	26

Sumber: Annual Survey of Employment and Wages, Ministry of Labour and Manpower

Laporan Buruh 1982/83 hal. 118.

Jadual 3.10: Kadar Gaji Bagi 'Harvester' Kelapa Sawit Dalam Sen  
Bagi Setiap 100 lb.

Tan Seekar Setahun	'Yield Bracket'				'Price Zones In \$ Per Ton'			
	\$400-499	\$500-599	\$600-699	\$700-799	\$800-899	\$900-999	\$1,000-1,099	\$1,100-1,199
0 - 1	72	73	75	79	81	84	88	90
1 - 2	64	65	67	72	74	76	80	83
2 - 3	57	58	61	65	67	69	73	76
3 - 4	51	52	54	58	60	62	66	69
4 - 5	39	40	43	47	49	52	55	59
5 - 6	32	33	36	39	41	49	47	51
6 - 7	30	31	33	37	39	41	45	48
7 - 8	29	30	32	36	38	40	44	47
8 - 9	28	29	31	35	37	39	43	46
9 - 10	25	26	29	32	35	37	40	44
10 - 11	24	25	28	31	33	36	39	43
11 - 12	23	24	26	30	32	35	38	41
12 - 13	23	24	26	30	32	35	38	41
13	22	23	25	29	31	33	37	40

Sumber: Laporan Buruh 1982/83 - Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat

yang membawa 2 tan buah sehari akan mendapat \$20.00 sehari.

'Harvester' juga mendapat tambahan \$1.15 sen sebagai 'Special Relief Allowance' 'Harvesting mandores' yang menyelia pemotongan 'kumpulan buah' dan 'pengangkutan buah' akan mendapat 60% daripada gaji purata mereka serta tambahan \$1.00 bagi setiap hari bekerja. Dia juga mendapat 'Special Relief Allowance' \$1.15 sen sehari.

Di antara berbagai pekerjaan dalam industri kelapa sawit kumpulan pekerjaan yang mendapat gaji yang paling rendah ialah 'Weeders' dan 'Pruners'. Ini mungkin kerana perbezaan dalam jumlah hari bekerja. Pekerja-pekerja kilang mempunyai jumlah purata hari bekerja sebanyak 26 hari manakala 'Pruners' ialah 20 hari dan 'Weeder' 23 hari (rujuk jadual 3.9). Jumlah purata hari bekerja yang rendah ini disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca yang buruk.

#### 3.4 Pola Pendapatan di ladang Carey Barat

Di ladang ini purata pendapatan bulanan adalah agak rendah berbanding dengan purata pendapatan nasional. Mengikut jadual 3.11 'Harvester' mendapat \$250.00 sebulan (\$332.00 di peringkat nasional), 'Weeders' \$150.00 (\$196), Pruners \$200 (\$296), pekerja-pekerja kilang \$350 (\$420) dan Mandores \$350 (\$550). Perbezaan gaji ini mungkin disebabkan oleh perbezaan harga minyak kelapa sawit di antara tahun 1983 (gaji nasional dikira) dan tahun 1985 (kajian dilakukan di Pulau Carey).

Jadual 3.11: Gaji Purata Bulanan Mengikut Pekerjaan Di Carey Pada 1985

Pekerjaan	Purata Pendapatan (\$)	Purata Nasional (\$)
Mandores	350	550
Harvester	250	332
Weeder	150	196
Pruners	200	296
Factory Workers	-	-
Workers	350	420

(Data-data mengenai pendapatan bulanan responden ini didapati dari responden sendiri). Purata gaji bulanan (mean income) ketua isirumah ialah \$180.00. Ini adalah kurang (\$77.22) daripada anggaran kerajaan, iaitu sebanyak \$258.00 sebulan.<sup>5</sup> Perbezaan ini sebahagian besaranya disebabkan oleh kejatuhan harga minyak kelapa sawit di pasaran dunia dengan teruk sekali pada akhir tahun 1985.

Dari jadual 3.12, 62% daripada responden mendapat gaji kurang daripada \$200.00 sebulan. Hanya 8% daripada responden mendapat gaji lebih daripada \$400.00 sebulan. Manakala baki 30% daripada responden mendapat gaji di antara \$201.00 - \$400.00.

Jadual 3.12: Bilangan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan

Jumlah Pendapatan	Bilangan	Peratus
\$100 &	7	14
101 - 150	10	20
151 - 200	14	28
201 - 250	7	14
251 - 300	5	10
301 - 350	2	4
351 - 400	1	2
400	4	8
Jumlah	50	100

Jadual 3.13: Jumlah Pendapatan Isirumah

Jumlah Pendapatan	Bil. Isirumah	Peratus
\$150 - 200	6	12
201 - 250	3	6
251 - 300	7	14
301 - 350	7	14
351 - 400	5	10
401 - 450	6	12
451 - 500	5	10
501 - 550	10	20
550	1	2
Jumlah	50	100

Mengikut jadual 3.13, 56% daripada isirumah mendapat pendapatan kurang daripada \$400.00 sebulan. Hanya 2% daripada isirumah menerima gaji lebih daripada \$550.00. Sebanyak 42% daripada isirumah mendapat gaji di antara \$401.00 - 550.00. Perbezaan gaji yang besar di antara isirumah Carey Barat adalah disebabkan terutamanya oleh bilangan anggota yang bekerja dalam seisirumah dan jenis pekerjaan yang dilakukannya.

Pendapatan purata isirumah (mean monthly household income) responden ialah \$346.56. Pendapatan purata isirumah ladang Carey Barat ini adalah lebih rendah daripada purata pendapatan isirumah nasional. Pendapatan purata isirumah sebenar bulanan negara ialah \$417.00 sebulan.<sup>6</sup> Pendapatan purata responden juga lebih rendah daripada purata pendapatan di bandar iaitu \$587.30.<sup>7</sup> Akan tetapi ianya adalah lebih tinggi berbanding dengan pendapatan purata isirumah bulanan pekerja-pekerja ladang getah. Mengikut kajian SERU (1981) pendapatan purata isirumah pekerja-pekerja ladang getah ialah \$302.00 sebulan.<sup>8</sup>

Walau bagaimanapun pendapatan purata isirumah, yakni \$346.56 itu adalah di bawah garis kemiskinan nasional iaitu \$384.00 bagi keluarga 5 orang anak.<sup>9</sup>

### 3.5 Pola Perbelanjaan

Dalam konteks ini perbelanjaan dirujuk kepada perbelanjaan

ke atas makanan dan minuman, pelajaran, pengangkutan, pakaian, kesihatan dan perubatan, pembayaran ansuran, arak, rokok, hiburan dan rekreasi dan sebagainya.

Jadual 3.14: Perbelanjaan Purata Bulanan Isirumah

Jumlah	Bilangan Isirumah	Peratus
\$150 - 250	13	26
251 - 350	16	32
351 - 450	9	18
451 - 550	7	14
551 - 650	4	8
651 - 750	1	2
Lebih daripada 750	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Dari jadual di atas kita mendapati bahawa 76% daripada responden mempunyai perbelanjaan kurang dari \$450.00 sebulan. Hanya 24% membelanjakan lebih daripada \$450.00. Pada lazimnya, perbelanjaan isirumah melebihi pendapatan purata. Ini kita dapat perhatikan dalam jadual 3.15 di mana terdapat perbelanjaan bagi 5 keluarga yang terpilih.

Dari jadual 3.15 didapati perbelanjaan responden bagi makanan, persekolahan serta pengangkutan merangkumi sebahagian

besar daripada perbelanjaan bulanan.

Purata perbelanjaan sebulan responden ialah \$404.00. Purata perbelanjaan ini melebihi purata pendapatan isirumah, yakni \$388.00. Didapati 4 dari 5 isirumah atau 80% membelanjakan lebih daripada pendapatan purata bulanan. Ini adalah satu fenomena umum dalam Pola Perbelanjaan isirumah di ladang Carey Barat.

Jadual 3.15 menunjukkan bahawa isirumah 'C' mempunyai perbelanjaan bandingan yang tertinggi, iaitu 117.1% atau \$410.00. Ia membelanjakan \$60.00 lebih daripada pendapatan isirumah. Perbelanjaan bandingan (relative expenditure) yang paling kecil di antara 5 isirumah yang terpilih itu ialah isirumah 'B' di mana ia hanya membelanjakan 82% atau \$410.00 daripada pendapatan puratanya, yakni \$500.00. Perbelanjaan isirumah 'A' ialah 114.7% atau \$390.00 (\$340 pendapatan purata), isirumah 'D' ialah 107.5% atau \$430.00 (\$400.00) dan bagi isirumah 'E' ialah 108.5% atau \$380.00 (\$350.00).

Maka jelaslah bahawa sebilangan besar (80%) daripada isirumah membelanjakan lebih daripada pendapatannya. Ini mungkin disebabkan gaji mereka tidak setimpal dengan bilangan anggota isi rumah dan kos hidup semasa yang tinggi. Data-data yang didapati juga tidaklah benar seratus-peratus kerana terdapat responden yang tidak memberikan jumlah perbelanjaan yang sebenar. Lagipun, perbelanjaan berubah dari musim ke musim. Dalam musim perayaan

Jadual 3.15: Pola Perbelanjaan 5 Isirumah Yang Terpilih

Bil. Isi rumah	Penda-patan (Y\$)	Bil. ahli Bekerja	Bil. ahli dalam isi rumah	Makan-an	Perse-kolah-an	Peng-angkutan dan Rokok	Arak	Pakai-an dan Rekrasi	Hiburan dan Kesiha-tan	Bayaran Ansuran	Jumlah Perbe-lanjaan	Peratusan Dari penda-patan	
A	\$ 340	2	10	\$ 270	\$ 60	\$ 30	\$ 10	\$ -	\$ -	\$ 20	\$ 390	114.7	
B	500	2	3	200	30	60	20	30	30	\$ 40	-	410	82.0
C	350	2	3	180	-	60	20	10	10	80	50	410	117.1
D	400	2	6	200	150	20	30	-	-	-	30	430	107.5
E	350	2	6	220	60	25	40	25	-	-	10	380	108.5
Jumlah	\$1,940	10	28	\$1,070	\$300	\$195	\$120	\$65	\$40	\$120	\$110	\$2,020	529.8
Purata	\$ 388	2	5.6	\$ 214	\$ 60	\$ 39	\$ 24	\$13	\$ 8	\$ 24	\$ 22	\$ 404	105.96

dan bulan-bulan yang popular bagi perkahwinan akan menjelaskan perbelanjaan isirumah. Maka purata perbelanjaan ini adalah anggaran responden semata-mata.

Jadual 3.16: Pola Perbelanjaan Ke Atas Makanan

Sample	Pendapatan	Perbelanjaan Ke Atas Makanan	Peratus
A	\$ 340	\$ 270	79.4
B	500	200	40.0
C	350	180	51.4
D	400	200	50.0
E	350	220	62.8
Jumlah	\$1,940	\$1,070	283.6
Purata	\$ 388	\$ 214	567.0

### 3.5.1 Makanan

Perbelanjaan ke atas makanan merangkumi bahagian yang terbesar daripada jumlah perbelanjaan. Dari jadual 3.16 didapati 56.7% atau \$214.00 daripada purata pendapatan dibelanjakan ke atas makanan. Isirumah 'A' membelanjakan \$270.00 atau 79.4% daripada jumlah pendapatan isirumahnya, isirumah 'B' membelanjakan \$200.00 atau 40%, isirumah 'C' \$180.00 atau 51.4%. Isirumah 'D' \$200.00 atau 50% dan isirumah 'E' \$220.00 atau 62.8%.

Beberapa faktor mempengaruhi perbelanjaan isirumah ke atas makanannya. Di antaranya ialah bilangan anggota isi- rumah dan umur. Misalnya, isirumah 'A' membelanjakan 79.4% daripada pendapatannya ke atas makanan manakala isirumah 'B' hanya membelanjakan 40% sahaja. Ini disebabkan bilangan anggota isi rumah 'A' ialah 10 orang dan isirumah 'B' hanya 3 orang sahaja. Umur isirumah juga menentukan perbelanjaan ke atas makanan.

Walaupun, isirumah 'D' dan 'E' mempunyai bilangan anggota yang sama ramai iaitu 6 orang namun isirumah 'E' membelanjakan lebih daripada isirumah 'D'. Ini adalah kerana dalam isirumah 'E' bilangan anggota dewasa adalah ramai manakala isirumah 'D' mempunyai ramai kanak-kanak. Maka perbelanjaan juga ditentukan oleh kadar umur.

Sekiranya dibandingkan perbelanjaan ke atas makanan golongan pekerja-pekerja kelapa sawit ini dengan kumpulan kemiskinan yang lain seperti nelayan dan petani, kita mendapati golongan pekerja ladang membelanjakan peratusan yang lebih ke atas makanan. Kaum nelayan membelanjakan 45.4% dan petani 53 % berbanding dengan pekerja ladang kelapa sawit, yakni 56.7%.<sup>10</sup>

Jadi, perbelanjaan ke atas makanan merangkumi peratusan yang terbesar. Ini disebabkan ia adalah barang keperluan asas yang terpenting. Seseorang boleh hidup tanpa radio atau TV tetapi tidak boleh tanpa makanan.

Selain daripada makanan item-item utama yang lain dalam senarai perbelanjaan isirumah ialah persekolahan, pengangkutan dan kesihatan.

### 3.5.2 Pelajaran

Dari jadual didapati golongan proletariat ladang membelanjakan purata \$60.00 atau 15.54% daripada pendapatan purata bulanan. Ini adalah sedikit lebih daripada perbelanjaan persekolahan bagi kumpulan miskin yang lain seperti petani (\$27.00 sebulan) dan nelayan (\$28.00 sebulan)<sup>11</sup>

Dari jadual 3.18 didapati isirumah 'D' membelanjakan \$150.00 atau 37.5% daripada pendapatan puratanya ke atas persekolahan anak-anak. Kos persekolahan ini adalah paling tinggi di antara 5 sampel di atas. Ini adalah kerana seramai 3 orang anaknya bersekolah di sekolah rendah dan menengah di Pulau Carey. Manakala seorang lagi belajar di Institusi Teknologi Pekerja (W.I.T.) di Pandamaran, Kelang. Jarak tempat ini ialah 25 batu dari Pulau Carey. Maka mereka ini terpaksa menampung kos persekolahan yang tinggi. Sebaliknya, isirumah-isirumah yang lain membelanjakan kurang daripada \$60.00. Ini kerana kanak-kanak mereka bersekolah di ladang ini maka kos persekolahan adalah rendah. Belanja persekolahan ini merangkumi kos pakaian, kasut, wang saku kos pengangkutan dan lain-lain perbelanjaan sekolah.

**Jadual 3.18: Pola Perbelanjaan Ke Atas Persekolahan Kesihatan dan Pengangkutan**

Sampel	Pendapatan	Persekolahan		Kesihatan		Pengangkutan	
		Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
A	\$ 340	\$ 60	17.6	-	-	\$ 30	8.8
B	500	30	6.0	\$ 40	8.00	60	12.0
C	350	-	-	80	22.85	60	17.0
D	400	150	37.5	-	-	20	5.0
E	350	60	17.1	-	-	25	-
<b>Jumlah</b>	<b>\$1,940</b>	<b>\$800</b>	<b>77.7</b>	<b>\$120</b>	<b>30.85</b>	<b>\$195</b>	<b>49.9</b>
<b>Purata</b>	<b>\$ 388</b>	<b>\$ 60</b>	<b>15.54</b>	<b>\$ 24</b>	<b>6.17</b>	<b>\$ 39</b>	<b>9.98</b>

### 3.5.3 Kesihatan

Perbelanjaan ke atas kesihatan adalah agak rendah. Purata perbelanjaan ke atas kesihatan ialah 6.17% atau \$24.00 daripada purata pendapatan. Ini adalah kerana kemudahan kesihatan telah disediakan oleh pihak majikan. Terdapat sebuah 'hospital kumpulan' atau 'Group hospital' di Ladang Barat Carey. Perkhidmatan kesihatan yang disediakan. Sebaliknya, isi rumah 'C' dan 'B' membelanjakan \$80.00 atau 22.85% dan \$40.00 atau 8% masing-masing. Ini kerana anggota isirumah mereka mendapat rawatan dari klinik swasta. (Walaupun terdapat ramai responden mendapat rawatan di Hospital Besar Kelang namun mereka tidak mengalami kos rawatan kerana ia adalah percuma).

### 3.5.4 Pengangkutan

Perbelanjaan ke atas pengangkutan adalah ketiga tertinggi dalam senarai perbelanjaan responden-responden terpilih. Mereka membelanjakan \$39.00 atau 9.96% dari pada purata pendapatan sebulan. Ini adalah disebabkan dalam pulau ini tidak wujud sebarang bentuk pengangkutan awam melainkan perkhidmatan perahu atau 'launch' yang berulang alik di antara Pelabuhan Kelang dan Pulau Carey. Jadi, responden-

responden terpaksa menggunakan kenderaan sendiri bagi pengangkutan dalaman. Jenis pengangkutan yang utama digunakan ialah motorsikal dan basikal. Perbelanjaan ke atas pengangkutan bukanlah perbelanjaan kapital tetapi perbelanjaan pembiayaan kenderaan atau 'maintenance cost'. 'Maintenance cost' adalah berupa pembaikan kepada motorsikal dan basikal, minyak petrol, minyak enjin dan sebagainya.

Bagi perjalanan jauh seperti ke bandar Kelang (Pekan yang terdekat sekali) selain daripada penggunaan motorsikal penduduk ladang ini juga menggunakan perkhidmatan 'launch'. 'Launch' atau perahu penumpang berkhidmat di antara Pelabuhan Kelang dengan Carey sejam sekali. Masa perkhidmatannya adalah terhad dari pukul 10 pagi hingga 4 petang. Tambang bagi perjalanan ialah \$1.70 sen sehala.

### 3.6 Hutang

Dalam kajian ini masalah hutang golongan proletariat juga telah ditinjau. Jadual 3.19 memberikan data mengenai keadaan hutang golongan proletariat ladang Carey Barat.

Dari jadual ini didapati 64% daripada jumlah responden mempunyai hutang dalam lingkungan di antara \$200.00 dan \$1,050.00. Pada lazimnya cara mereka berhutang ialah dengan tunai (cash) dan membeli barang dengan kredit dan si piutang adalah terdiri

Jadual 3.19: Bilangan dan Peratusan Responden Yang Mengalami Hutang Bagi Tahun 1984

Jumlah	Bilangan	Peratus
Tidak ada	18	36
50 - 200	9	18
201 - 350	5	10
351 - 500	8	16
501 - 650	3	6
651 - 800	1	2
801 - 950	5	10
951 - 1,050	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

dari kawan-kawan, pekedai dan Chettiar. Dari jadual 3.20 didapati sebab-sebab utama bagi hutang ialah perbelanjaan keluarga dan perkahwinan/kenduri. Perbelanjaan isirumah sendiri telah merangkumi 50% daripada hutang. Hutang-hutang yang dipinjam bagi majlis-majlis perkahwinan atau kenduri atau majlis-majlis lain seperti 'life cycle rites' adalah merangkumi 21.9%.

Manakala bagi sebab kecemasan dan lain-lain hal hutangnya merangkumi satu peratusan yang kecil sahaja. Satu isu yang menjelma dari jadual itu ialah golongan proletariat tidak mendapat pendapatan

Jadual 3.20: Sebab-sebab Isirumah Berhutang

Sebab-sebab	Bilangan	Peratus
Perbelanjaan keluarga	16	50.0
Kecemasan	5	15.6
Perkahwinan/kenduri	7	21.9
Lain-lain	4	12.5
Jumlah	32	100.0

yang mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan bulanan.

### 3.7 Tabungan

Dari kajian ini didapati tabungan di kalangan pekerja-pekerja ladang adalah rendah. Hanya 26% daripada responden-responden telah menabung pada tahun 1984.

Kajian penulis (jadual 3.21) menunjukkan 74% atau 37 daripada responden tidak mempunyai simpanan langsung. Daripada responden-responden yang mempunyai simpanan hanya 4% menyimpan lebih daripada \$1,000. Manakala 22% yang lain mempunyai kurang daripada \$1,000.

Responden menyimpan dalam bentuk tunai di Pejabat Pos, Bank serta juga menyimpan dengan pembelian saham-saham. Saham-saham yang dibeli oleh responden-responden merupakan saham syarikat-

syarikat yang dilulus oleh MIC. Sebagai contoh, dari 80 responden mereka mengaku bersetuju dengan pernyataan berikut daya (PDU) MIC bukti bukti dan juga dapat mendapat pengalaman di dalam kerajaan kurang dari RM 1,000. Pendapatan tahun yang rendah ini merupakan sebahagian besar pendapatan responden (dak bina meningkat pada 111 responden iaitu 3,15%). Kajian De Groot (1982) menunjukkan bahawa hasil pendapatan yang belum berbanding dengan pendapatan rata-rata negara atau tertinggi dalam kumpulan pendapatan adalah faktor utama yang menyebabkan responden merasakan kurangnya kepuasan hidup.

#### 3.2.2.2. Pendapatan responden

Jadual 3.21: Tabungan Responden Bagi Tahun 1984

Jumlah	Bilangan	Peratus	Jumlah	
			Tidak ada	Kurang dari \$200
Tidak ada	37	74	3	6
Kurang dari \$200	3	6	1	2
201 - 400	1	2	2	4
401 - 600	2	4	3	6
601 - 800	3	6	2	4
801 - 1,000	2	4	1	2
1,001 - 1,200	1	2	1	2
daripada 1,200	1	2		
			50	100
<b>Jumlah</b>				

Penilaian responden tentang tabungan mereka pada tahun 1984 menunjukkan bahawa 74% responden tidak mempunyai tabungan apapun. Dari jumlah responden yang mempunyai tabungan, 6% mempunyai tabungan kurang dari RM 200. Pendapatan kurang dari RM 1,200 adalah faktor utama yang menyebabkan responden merasakan kurangnya kepuasan hidup.

Penilaian responden tentang tabungan mereka pada tahun 1984 menunjukkan bahawa 74% responden tidak mempunyai tabungan apapun.

syarikat yang ditaja oleh MIC, sebagai contoh, dari Ko-operasi NESA, Ko-operasi Pekerja Jaya (KPJ), MIC Unit Trust dan juga dari 'Nasional Land Finance Co-operative Society'.

Simpanan yang rendah disebabkan oleh beberapa faktor seperti sikap kurang jimat cermat (ramai membeli barang-barang mewah seperti video walaupun ia di luar kemampuan mereka) belanjawan kurang sesuai dan faktor yang utama ialah pendapatan bulanan yang rendah. Pada lazimnya, pendapatan responden tidak dapat menampung perbelanjaan mereka (lihat jadual 3.15). Kajian Dr. D. Jayakumar<sup>12</sup> telah membuktikan hasil penemuan penulis. Beliau berkata,

"Eventhough poor budgeting and unnecessary spending on liquor and luxury goods are the main reason for the low saving which indeed shows an insecure future, but the low level of wages these workers receive is the root cause of the problem"

Sekiranya, pendapatan purata bulanan tidakpun dapat menampung perbelanjaan purata bulanan, maka apakah yang ada untuk **disimpan?**

### 3.8 Pemilikan Harta

Jenis-jenis harta yang dimiliki oleh responden ialah tanah, rumah dan emas. Hanya 4% daripada responden didapati memiliki tanah (di luar ladang ini) untuk tapak kediaman dan 2% memiliki rumah sendiri. Manakala 60% daripada responden memiliki barang-barang kemas. Pemilikan emas yang tinggi tidak menghairankan kerana ia mempunyai tempat yang signifikan dalam kebudayaan orang India

Jadual 3.22: Pemilikan Harta Isirumah

Jenis Aset	Bil. Isirumah	Peratus
Tanah	2	4
Rumah	1	2
Emas	30	60

dan ia juga digunakan sebagai 'dowry'. Walau bagaimanapun, jumlah pemilikan barang-barang kemas tidak dapat ditentukan kerana pengkaji gagal mendapatkan data-datanya.

Sementara itu alat-alat penggunaan isirumah utama yang dimiliki oleh responden ialah seperti motorsikal, kipas elektrik, televisyen, video, kusyen set dan mesin jahit.

Dari jadual 3.23 didapati 44% daripada responden memiliki motorsikal dan 84% memiliki basikal. Kenderaan ini adalah jenis pengangkutan yang utama di Pulau ini. Ini kerana tidak wujud pengangkutan awam dalaman di Pulau Carey yang mempunyai luas kawasan 140 kilometer persegi. Maka responden terpaksa memiliki kenderaan tersendiri. Selain daripada itu, ramai daripada responden memiliki peti televisyen. Seramai 96% daripada mereka memiliki peti televisyen manakala 42% memiliki video. Ia adalah merupakan sumber hiburan yang utama bagi golongan ini. Lain-lain alat kegunaan rumah yang popular ialah kipas elektrik (62%), Mesin Jahit (48%)

Jadual 3.23: Pemilikan Alat-alat Penggunaan

Jenis alat	Bil. Isirumah	Peratus
Kereta	-	-
Motorsikal	22	44
Kipas elektrik	31	62
Peti Ais	-	-
Televisyen	48	96
Kusyen set	19	28
Mesin Jahit	24	48
Video	21	42
Basikal	43	84

dan kusyen set (28%).

Dari kajian didapati tidak sebuah rumahpun memiliki peti ais. Ini adalah kerana terdapat catuan elektrik di estet ini. Tenaga elektrik hanya dibekalkan dari pukul 7 malam sampai 12.30 pagi kecuali pada hari Sabtu apabila tayangan gambar Tamil disiarkan di TV di mana bekalannya bermula dari 4 petang. Bekalan tenaga elektrik sepanjang masa adalah perlu bagi menyimpan barang-barang cepat rosak atau 'non-durable goods'. Jadi, inilah sebabnya responden-responden tidak memiliki peti ais.

Satu perkara yang perlu dinyatakan di sini ialah alat-alat penggunaan rumah yang utama seperti TV dan video telah dibeli secara ansuran. Maka responden terpaksa membayar kadar bunga

yang tinggi. Dari sudut pandangan ekonomi isirumah mengalami kerugian tetapi dari sudut pandangan isirumah ia dianggap sebagai pengumpulan aset.

### 3.9 Kesimpulan

Kesemua 50 responden melakukan pekerjaan-pekerjaan buruh, seperti pemetik buah atau 'harvester', 'weeder', 'pruners', 'buruh am' dan pekerja kilang. Ramai daripada mereka bekerja sebagai 'chekroll buruh' dan sebahagian kecil di bawah sub-kontrektor.

Struktur pekerjaan di estet ini berbentuk 'piramid' di mana sebilangan besar daripada pekerja menjualkan tenaga fizikal mereka untuk mendapatkan upah, manakala segelintir kecil memiliki dan mengurus ladang.

Mobiliti mendatar atau 'horizontal mobility' dan mobiliti atasan atau 'upward mobility' adalah kurang di estet ini. Ramai responden didapati melakukan pekerjaan yang sama bagi satu jangka masa yang agak lama. Sebagai misalan pemetik buah atau 'harvester' di estet ini bekerja bagi purata tempoh masa 15.21 tahun. Ini menunjukkan bahawa mereka terkaku dalam sistem pekerjaan estet, walaupun didapati 90% dari responden (lihat jadual 3.7) tidak puas hati dengan pekerjaan yang mereka lakukan ini. Mengapakah mereka tidak dapat berganjak dari pekerjaan ini? Banyak kemungkinan boleh dimajukan. Di antaranya ialah sistem sosial estet yang

mengongkong dan menjadikan pekerja-pekerja ini 'immobile'.

R.K. Jain (1970)<sup>13</sup> membuktikan kebenaran ini. Beliau menyatakan bahawa sistem industri perladangan merupakan satu 'sistem sosial tertutup' yang memutuskan ahli-ahlinya dari aliran utama masyarakat besar. Mengikut beliau sistem perladangan adalah satu 'total institution'. Beliau menambah,

"Whether a person was born into it or was introduced into it as an immigrant he found it difficult to escape the closed world of the estate"

Di antara kemungkinan-kemungkinan yang lain ialah taraf pendidikan rendah, masalah pengangkutan di Carey dan sebagainya.

Selain daripada itu, didapati ramai daripada responden tidak mempunyai sebarang kerja sambilan atau 'secondary occupations'. Kajian menunjukkan 98% daripada responden yang menghabiskan kerja pada 2 petang saban hari dan tidak melakukan sebarang kegiatan-kegiatan yang berunsurkan ekonomi. Di Pulau ini tidak wujud banyak peluang-peluang pekerjaan tambahan, lagipun ianya terputus dari aliran kegiatan-kegiatan utama nasional (mainstream of national activities). Maka ini telah menghalang responden-responden dari memperolehi pendapatan tambahan atau 'supplementary income'.

Satu lagi masalah pekerjaan yang dialami oleh golongan proletariat di estet ini ialah masalah keselamatan pekerjaan.

Keselamatan golongan pekerja telah diabaikan oleh majikan. Pekerja-pekerja khususnya, wanita di bahagian semburan racun rumput-rampai dan racun perosak makhluk terdedah kepada bahaya racun ini. Pemetik buah atau 'harvester' juga terdedah kepada bahaya dihempap pelepas pokok kelapa sawit dan bahaya ditikam duri buah kelapa di tangan, kaki dan badan.

Ramai pekerja di ladang ini mengalami kecederaan pada pancaindera. Golongan pekerja ini terpaksa menanggung kecacatan pacaindera samada yang berbentuk kekal atau sementara. Di suatu pihak lain, majikan hanya mementingkan pengautan keuntungan.

Gaji purata bulanan pekerja ladang ini adalah \$180.78 sen. Manakala pendapatan purata bulanan isirumah pula ialah \$346.56 sen. Purata pendapatan ini adalah lebih rendah daripada purata pendapatan isirumah nasional. Pendapatan purata isirumah nasional ialah \$417.00. Pendapatan yang rendah ini telah merosotkan keadaan taraf hidup golongan pekerja ladang yang hidup dalam kemiskinan. Purata pendapatan isirumah responden ini adalah di bawah garis kemiskinan nasional, yakni \$384.00 bagi keluarga 5 orang anak. Ini tidaklah menghairankan kerana mengikut kajian kerajaan kadar kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet telah meningkat kepada 54.6% pada tahun 1983.

Maka pendapatan yang rendah adalah salah satu masalah utama yang dihadapi oleh pekerja-pekerja estet. Sepanjang 10 tahun yang lalu ekonomi kita telah tumbuh pada kadar di antara

6% dan 8% setahun.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, harapan golongan pekerja untuk dibayar satu ganjaran yang sewajar dengan sumbangan mereka terhadap perkembangan ini telah dikecewakan.

Sebaliknya, keuntungan yang diperolehi sepanjang 10 tahun ini hanya memanfaatkan golongan kapitalis. Mengikut satu kajian 'Rubber Research Institute of Malaysia' bahawa di antara tahun 1975 - 1981 lebih kurang 54% daripada untung sektor perladangan telah dikaut oleh pemodal dan hanya 27.5% merangkumi kos buruh.<sup>15</sup> Ini dapat dibuktikan di peringkat mikro, di mana Harrisson Malaysia Plantation Berhad (HMPB) yang memiliki ladang-ladang Pulau Carey ini mendapat keuntungan yang besar bagi 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 1983 ia telah mengisyiharkan keuntungan selepas cukai sebanyak \$51.7 juta dan bagi tahun 1985 pula ia meningkat pada \$189.46 juta.<sup>16</sup> Keuntungan HMPB tidak banyak bergantung ke atas pelaburan kapital atau 'Capital Investment' sebaliknya, ke atas exploitasi buruh yang murah. Ini adalah sebab utama mengapa HMPB dapat mengisyiharkan dividen sebanyak 30 sen bagi saham syarikat yang bernilai \$1.00 setiap satu dalam zaman kemelesetan ekonomi ini! Walhal, golongan pekerja di ladang hidup di bawah kemiskinan.

Memandangkan keuntungan yang sedemikian agak tidak munasabah untuk terus membayar golongan proletariat estet dengan upah harian. Berbanding dengan gaji bulanan cara pembayaran

sekarang amat merugikan para buruh. Apa yang lebih mendukacitakan ialah 'prinsip kapitalis' yakni gaji harus dipotong apabila untung rendah tetapi dinaikkan hanya selaras dengan kos kehidupan. Ini adalah tidak adil kepada pekerja. Satu lagi perkara yang menjelaskan pendapatan pekerja estet ialah perundingan gaji di antara buruh (NUPW) dan Kapital (MAPA) pada lazimnya dilakukan semasa harga komoditi rendah dalam pasaran. Maka kenaikan gaji juga rendah. Adakah ini satu kebetulan sahaja atau taktik kotor kapitalis tidak dapat dipastikan.

Mengikut kajian ini didapati ramai daripada responden membelanjakan lebih daripada pendapatan mereka. Seramai 80% daripada responden membelanjakan lebih daripada pendapatan mereka. Item-item yang utama dalam senarai perbelanjaan bulanan mereka ialah makanan, persekolahan dan pengangkutan. Makanan sahaja merangkumi 56.7% daripada pendapatan bulanan purata. Persekolahan 15.54%, kesihatan 6.17% dan pengangkutan 9.96%. Oleh kerana perbelanjaan responden melebihi pendapatan bulanan purata maka ini telah mengakibatkan kadar hutang yang tinggi.

Dari kajian ini didapati sebilangan besar, yakni 74% daripada responden tidak menyimpan bagi tahun 1984. Hanya segelintir kecil mempunyai simpanan, iaitu 25%. Simpanan responden yang paling tinggi ialah lebih kurang \$1,200. Sebab utama responden-responden mempunyai simpanan yang rendah adalah kerana kekurangan pendapatan.

*Notakat* Peratusan responden yang mempunyai hutang adalah tinggi.

Terdapat seramai 64% daripada responden mengalami hutang. Peratusan hutang adalah tinggi kerana perbelanjaan bulanan purata mereka melebihi pendapatan bulanan purata. Jadi, untuk menampung perbezaan ini mereka terpaksa meminjam. Keadaan hutang yang tinggi adalah satu fenomena yang umum di sektor perladangan. Ini telah dibuktikan oleh satu kajian SERU (1981). Mengikut kajian itu terdapat 68% daripada pekerja-pekerja estet berhutang.<sup>17</sup>

6. Ibid. Pada keseluruhannya, didapati kedudukan ekonomi pekerja adalah rendah. Mereka boleh digolongkan sebagai kumpulan kemiskinan kerana pendapatan purata isirumah adalah rendah daripada garis kemiskinan kerajaan. Kemiskinan yang wujud di ladang ini adalah kemiskinan relatif dan bukan kemiskinan mutlak atau 'absolute poverty'

10. SERU (1981) Op. cit. m.s. 99

11. Ibid., m.s. 301

12. Dr. S. Jayakar 'Modenfikasi dan Keperibadian Sosial Bangsa, Malaysia' (Social Science Association, U.M. 10 - 12 Jan. 1983).

13. R.K. Jain (1970). *South Indians on the Plantation Frontier in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press. m.s. 295

14. Ishak Sharif dan Jomo K.S. (1984) 'Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan' IRISAK, Petaling Jaya m.s. 1

15. Arifin bin Mohd. Nor dan James Wayagam, 'Incentive Wage Concept: An Alternative Strategy for Land Development Schemes', RRI preprint, Oktober 1983, Jadual 5, hal. 12.

16. Laporan Tahunan (1985), Harrisons Malaysian Plantation Bhd., Kuala Lumpur, m.s. 45.

17. Kajian SERU (1981), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur,

Notakaki

1. Malaysia, (1984) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan, Jadual 2.4
2. Kementerian Kewangan, (1984) Laporan Ekonomi 1984-85, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan
3. Kementerian Buruh, (1983) Laporan Tinjauan Pekerjaan dan Upah, Kuala Lumpur, Percetakan Kerajaan
4. S.J. Chelliah, Planter (1984) 'History of Wages and Negotiations in the Plantation Industry', Kuala Lumpur, m.s. 303
5. Malaysia (1981), Rancangan Malaysia Keempat, 1981-85, Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan m.s. 93
6. Ibid., m.s. 62 (Jadual 3.9 diubahsuai mengikut Penyesiatan Tenaga Buruh 1980)
7. Ibid., m.s. 62 (Jadual 3.9)
8. Malaysia (1981), Socio Economic Research Unit, (SERU) 'Kajian Sosio-ekonomi Pekerja-pekerja Ladang', Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, m.s. 84
9. Kajian SERU (1983), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
10. SERU (1981) Op. Cit. m.s. 99
11. Ibid., m.s. 101
12. Dr. D. Jayakumar 'Modenisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa, Malaysia' (Social Science Association, U.M. 10 - 12 Jan. 1983)
13. R.K. Jain (1970). South Indians on the Plantation Frontier in Malaya, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, m.s. 295
14. Ishak Shari dan Jomo K.S. (1984) 'Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan' INSAN, Petaling Jaya m.s. 1
15. Arifin bin Mohd. Nor dan James Wayagam, 'Incentive Wage Concept: An Alternative Strategy for Land Development Schemes', RRI preprint, Oktober 1983, Jadual 5, hal. 12.
16. Laporan Tahunan (1985), Harrisons Malaysian Plantation Bhd., Kuala Lumpur, m.s. 45.
17. Kajian SERU (1981), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

ISURUMAH MISKIN DALAM SEKTOR PERTANIAN LADANG

Sektor	1970 Isirumah Miskin	% dari Jumlah	1980 Isirumah Miskin	% dari Jumlah	1983 Isirumah Miskin	% dari Jumlah
Pertanian	582.4	73.6	443.7	66.7	497.6	69.3
Pekebun Kecil Getah	226.4	28.6	175.9	26.4	247.9	34.5
Kelapa Sawit	2.0	0.3	1.9	0.2	1.5	0.2
Pekebun Kecil Kelapa	16.9	2.1	12.8	1.9	10.1	1.4
<u>PEKERJA ESTET</u>	<u>59.4</u>	<u>7.5</u>	<u>39.5</u>	<u>5.9</u>	<u>57.7</u>	<u>8.1</u>
Pertanian Ladang	304.7	38.5	230.1	34.4	317.2	44.2
Bukan Pertanian	209.4	26.4	222.4	33.3	220.0	30.7
Jumlah	791.8	100.0	666.1	100.0	717.7	100.0

Sumber: 1970 dari RM4, Jadual 3 - 1

1980 & 1983 dari KSPRM4, Jadual 3 - 2

KADAR KEUNTUNGAN DI ESTET (a), 1975-81

Butir	Sen/Kg	Peratus
Jumlah Hasil (b)	153.0	100.0
Perbelanjaan		
Pengurusan	8.4	5.5
Perbelanjaan Lain	6.5	4.2
Pemulihan Tetap	11.3	7.4
Pungutan & Pengangkutan Susu Getah	1.5	1.0
Upah Menoreh	42.1	27.5
Jumlah Kecil	69.8	45.6
Untung Bersih	83.2	54.4

Catatan: a. Diambil dari antara 9 dan 17 estet kurang dari 200 hektar yang diurus dengan baik dan diselidiki oleh kumpulan "Costing and Management Study" IPGM (RRI).  
 b. Selepas menolak kos pengeluaran, cukai expot dan ses penyelidikan

Sumber: Arifin bin Mohd. Nor dan James Nayagam, "Incentive Wage Concept: An Alternative Strategy for Land Development Schemes", RRI pre-print, Oktober 1983, Jadual 5, hal. 12.

HARRISONS MALAYSIA PLANTATIONS BERHAD  
THREE YEAR RECORD 1983-1985

	1985 \$,000	1984 \$,000	1983 \$,000
<b>RESULTS</b>			
Turnover	1,057,866	582,297	253,578
Operating profit	187,456	94,916	78,519
<b>PROFIT BEFORE TAXATION</b>	<b>189,459</b>	<b>95,768</b>	<b>79,188</b>
<b>PROFIT AFTER TAXATION</b>	<b>116,196</b>	<b>51,662</b>	<b>51,907</b>
Profit attributable to shareholders	119,703	60,349	51,817
Dividends	76,138	48,086	48,082
Profit retained	43,565	12,263	3,735
<b>CAPITAL EMPLOYED</b>			
Share capital	422,991	367,296	333,905
Reserves	1,211,775	958,240	915,360
Shareholders' funds	1,634,766	1,325,536	1,249,265
Minority interests	2,297	2,057	5,256
Deferred taxation	17,210	13,752	8,803
	1,654,273	1,341,345	1,263,324
<b>ASSETS EMPLOYED</b>			
Fixed assets	1,581,545	1,368,427	1,176,886
Associated companies	21,768	10,540	1,222
Investments	24,198	3,166	10,256
Net current assets (liabilities)	26,762	(40,788)	74,960
	1,654,273	1,341,345	1,263,324
<b>FINANCIAL STATISTICS</b>			
Operating profit/turnover (%)	17.72	16.30	30.96
DIVIDEND PER SHARE - GROSS (SEN)	30.00	20.00	24.00
Dividend cover (times)	1.57	1.26	1.08
Earnings per share (sen)	28.40	14.20	14.60
Net tangible assets per \$1 ordinary share (\$)	3.86	3.61	3.74

Sumber: Laporan Tahunan 1985, Harrisons Malaysian Plantations Berhad.



Foto 1 - Kren sedang memuatkan tandan kelapa sawit ke dalam lori pengangkut



Foto 2 - Traktor sedang memunggah buah kelapa sawit

Dilampirkan beberapa potongan akbar yang mengisahkan nasib  
Malang Golongan Proletariat Estet di Malaysia

THE STAR

TUESDAY, December 17, 1985

# SAM: OIL PALM WORKERS FACE HEALTH HAZARDS

KUALA LUMPUR, Mon.—Most of the 95,000 oil palm estate workers in the country face numerous health and safety hazards daily and enjoy few benefits. Sahabat Alam Malaysia (SAM) says in a report.

The report, based on surveys in several estates, has been submitted to, among others, Agriculture Minister Anwar Ibrahim, Labour Minister Datuk Mak Hon Kam and Health Minister Datuk Chin Hon Ngian.

It said that most estates did not provide protective clothing, gloves, safety shoes or protective device for the eyes. Due to this, the injury rate among oil palm workers is very high, the report added.

There is at least an accident a day in an estate involving palm fronds and fruits which have sharp spines.

The spines are usually about 6cm long and can penetrate the skin and poor quality canvas shoes.

Injuries from the spines result in wounds which can be painful swellings and minor operations are necessary to remove the spines from the body, said SAM.

The report said it was "normal" for harvester to be hit by falling fronds, and added that one worker required 22 stitches for a head wound.

Harvester S. Rasalingam, 42, who works in an estate near Shah Alam, had 14 stitches on his head for an injury caused by a falling frond.

"The frond came smashing down on my head. I could not ward it off because I was holding the cutting knife, which is at the end of a long bamboo, and the surrounding area was overgrown with grass," he told SAM.

He said that harvesters also had to endure dust when pruning.

"The dust collects at the shoulder of the fronds and is released when the fronds are cut. Harvesters are sometimes blinded momentarily by the dust," he added.

The report said the workers were also exposed to chemical hazards. Weed-killers are commonly used and handled with bare hands.

SAM field officer M. V. Raju said a health and safety committee should be set up in each plantation to monitor the working conditions.



Harvester pruning fronds . . . no protective wear.



The labour lines around the flooded football field of West Estate in Carey Island

## Carey Island estate workers hit by floods

# IT NEVER RAINS BUT IT POURS!



Seven-month-old S. DURAI placed out of harm's way

150 workers in  
Section TR labour lines  
at Carey Island have been hit by two

combinations of heavy rain and high tide last Saturday night resulted in homes being under water. However, the water level dropped to 0.45 metres late yesterday afternoon.

A labour line in this section comprises five blocks of brick houses with 24 blocks of older tenement units. When the water started rising at about 1.30 am, affected families had to store away their personal belongings.

Among those who were especially worried over the uncertain situation was 60-year-old P. Ammakkannu, a 60-year-old who was paralysed 14

years ago.

Up till yesterday, they were still keeping vigil for fear of more rain. From previous experience, they expect the water to take at least five days to recede.

Those who own sampans (normally used for fishing trips) have readied these in case quick evacuation is required.

If the flood worsens, they will make their way to Section Four — the nucleus of the estate — to stay in the community hall, two schools or with friends and relatives.

He claimed to have met the estate manager three months ago to ask for better maintenance of the drainage system.

Donations of food have started coming in from well-wishers and the NUPW intends to seek more help for the workers.

Mr Karuppannen said the union will meet the management later this week to suggest on improvements to the labour lines and compensation for the affected workers.

"Those who do not turn up for work now are considered to be on approved leave," he said. "Although their cost of living allowance is not cut, they do not get their wages on the days they are absent."

"We will request the management to give them their pay and an extra payment of \$15 a day for the duration. This is to make up for the inconvenience including sleepless nights."

The Malay Mail contacted the estate manager, identified only as Encl. Mohamed Ali, at his house last evening but he declined comment.



Report: PADMAJA PADMAN  
Pictures: CHAI KHIAN CHONG

(Left), Madam AMMAKANNU... paralysed and very worried. Fears being a hindrance in any evacuation efforts.

(Right), Mr KARUPPANEN... says this was the third flood this year — cites low land level and poor drainage as main causes. To meet estate management this week.



Good old for Madam S. KANNAMMAH, 58, and her son K. SUGUMARAN

Time out for some fun despite the noggling worries

# ISU DARI PULAU CAREY

*Kehidupan para penduduk Pulau Carey tidak ubah dari cara kehidupan para pekerja buruh asing yang dibawa masuk ke negara ini di zaman kolonial.*



Pulau Carey ialah sebuah kawasan seluas 140km persegi yang terdiri dari 4 buah estet -Utara, Selatan, Timur dan Barat. Estet-estet tersebut adalah kepunyaan dan diusahakan oleh Harrisons Malaysia Plantations Bhd (HMPB).

Pulau Carey ialah salah sebuah dari rangkaian kepulauan yang terletak di muara Sungai Kelang. 2,500 orang dari 10,000 orang penduduknya ialah pekerja-pekerja estet.

Tinjauan Sahabat Alam Malaysia mendapati bahawa cara kehidupan para penduduk Pulau Carey tidak ubah dari cara kehidupan para pekerja buruh asing yang dibawa masuk ke negara ini di zaman kolonial. Mereka mempunyai kemudahan-kemudahan tempat tinggal serta bekalan-bekalan letrik dan air. Bagaimanapun, mereka masih menghadapi pelbagai masalah yang tidak sepatutnya wujud lagi. Mereka jahil akan hak-hak asasi masing-masing.

Kemudahan-kemudahan perubatan yang terdapat di Pulau Carey sangat berkurangan. Terdapat sebanyak 11 buah dispensari - satu bagi tiap-tiap bahagian. Malangnya, pusat-pusat tersebut jarang dibuka.

Hospital estet pula ditadbirkan oleh seorang pembantu perubatan yang dibantu oleh 3 orang dresser pelatih, seorang jururawat pelatih dan 2 orang pelayan hospital. Seorang pegawai perubatan akan datang ke hospital tersebut sekali dalam seminggu.

Kesemua dispensari tersebut dikelolakan oleh ketiga-tiga



dresser pelatih. Ini bermakna setiap dispensari hanya dibuka selama 1½ jam tiap-tiap hari.

Para pekerja Pulau Carey mengadu bahawa kakitangan perubatan di Pulau tersebut kurang berkelayakan. Mereka seringkali diberikan ubat-ubatan menurut sesuka hati kakitangan perubatan.

Mereka juga mendakwa bahawa kakitangan perubatan tersebut mengambil sikap 'tidak apa' bila berlaku kes-kes peracunan bahan toksid. Pekerja-pekerja yang melakukan kerja-kerja menyembur racun makhluk perosak tidak diberikan pemeriksaan kesihatan yang kerap.

Para pekerja wanita yang melakukan kerja-kerja menggunakan racun makhluk perosak

pula mengadu kesan-kesan seperti penyakit kulit, kuku yang gugur, pening kepala, hidung berdarah dan kedadangan haid yang tidak tetap.

Keadaan alam sekitar Pulau Carey juga turut tercemar. Udaranya dicemari oleh debu dan asap dari dua kilang kelapa sawit dan dari jalanraya laserit berhampiran.

Estet Barat ialah estet yang terbesar dimana terdapat sebuah kilang kelapa sawit yang telah didirikan sejak 18 tahun dulu. Kilang tersebut mengeluarkan kepulan-kepulan asap hitam yang tebal. Sementara itu, hospital untuk estet-estet ini terletak kira-kira 250 meter dari kilang tersebut. Bayangkan keadaan pencemarannya!

# Workers trapped in a vicious cycle

Text by AISHAH ALI  
Pix by SHUKOR RAHIM

**E**VERY morning before 7am, Kamachy Murugam, a mother of two, cycles three miles to work. She is part of the spray gang in the 6R west division of the estate in Carey Island and gets \$7.50 for a seven-hour job.

She did not know the danger of the weedkiller until one day last July when she had a nasty accident with it which scarred her for the rest of her life.

While handling the poison, she accidentally sprayed it near her mouth. The effect was immediate. She had a severe headache, sore eyes and started vomiting. She wanted to wash but there was no water nearby.

The mandore brought her some water in a container and she managed to rinse her mouth. A while later she started purging and was asked to go home.

Taking her pump with her, she started cycling while still purging and vomiting, but barely 20 yards away she collapsed.

She was awakened much later by a neighbour who found her and took her to the group hospital where she stayed for two days. Subsequently, she was transferred to the General Hospital in Klang and admitted for six days.

Now the 22-year-old worker says her left eye is going blind and she is receiving treatment for it.

Her repeated complaints to the management have been ignored. She has not received her socio claim, as the medical report did not mention the accident resulting from the chemical.

RALIMAH Ali is only 19, but her vision is already blurred due to constant exposure to the weedkiller.

"On a hot day I can't see a thing," she says. "After spraying, my eyes get watery and hurt a lot. My skin itches all over. It happens everyday."




SALMAH ... can't see on a hot day.



MARIAYEE ... blurred vision.



THOTACHY ... blind.




DEVI ... two accidents.



MARIAYEE ... blurred vision.



THOTACHY ... blind.



DEVI ... two accidents.



KAMACHY ... blind in one eye.



Lost fingernails on Mariayee's left hand.



THOTACHY ... blind.



DEVI ... two accidents.

The itch is terrible, she says. Sometime later she had another accident.

Weedkiller was accidentally splashed on her.

Treatment at the group hospital, she says, did not heal the pain. She had to go to a private clinic and spend \$150 out of her monthly salary of \$210 to pay the doctor.

Her contact with the weedkiller started three years ago when she began work as a mixer, and had to use her hands.

She says her nose used to bleed and the soreness in her throat was unbearable.

MARIAYEE'S job is mixing chemicals with the weedkiller. She mixes 30 gallons a day on average, and has done the job for the past year.

Three months ago, her nails started to drop off. She went to the group hospital where her fingers were bandaged and she was asked to go home.

Wearing gloves, she says, made no difference because they were cotton ones; the weedkiller seeped through.

She, too, complains of blurred vision.

Wiping the liquid off her face, she did not feel any pain at first and continued working.

Two weeks later, her eye sight became blurred and she was referred to the GH in Klang where she stayed for two days.

After being discharged, she got two days' leave.

She continued working until she was three-quarters blind and had to be supported to go to work by other workers.

DEVI, 17, did not know the danger of the weedkiller with which she worked everyday until it got accidentally sprayed on her ears.

# THE MALAY MAIL

THE PAPER THAT CARES

JANUARY 14, 1986  
ULAR MALAYSIA 35 SEN

• Estd 1896 • P.P. 24/1/86  
• SABAH/SARAWAK 55 SEN

# PAINFUL HARVEST

By FABIAN DAWSON

OIL palm harvesters in two estates in Selangor are unhappy with working conditions and have taken their management to task for lack of concern for safety measures.

They claim they have not been provided with protective clothing which has resulted in many of them being injured.

The management of the Bukit Jelutong/Rasah Estate in Batu Tiga and Golden Hope Estate in Klang said this is the first time their harvesters are asking for protective clothing.

*The Malay Mail* visited the estates yesterday and learnt that many workers are suffering from various injuries sustained while working without protective clothing.

The biggest danger is posed by large and sharp thorns or spines which cover the oil palm fruit and its fronds. Injuries of this nature often result in wounds turning septic or painful swellings.

Harvester S. Rasalingam, speaking on behalf of 58 harvesters and fruit collectors at the Bukit Jelutong/Ra-

sah Estate, alleged that the management has not heeded their repeated requests for protective clothing over the years.

Mr Rasalingam, who has 25 years of experience in oil palm harvesting has been dubbed "the cactus" by his colleagues because of the number of times he has been injured by thorns and spines.

Among his more serious injuries are 14 stitches on his head after he was struck by a falling frond and had thorns embedded in his left hand and foot.

## Formal request

"I was hit on the head four years ago and underwent an operation at the Hospital Universiti to remove a thorn from my left leg. I have at least three thorns in my body which I have been carrying for between two and three years," he said.

Mr Rasalingam said harvesters also suffer from various eye ailments because of the nature of their job.

"We have to look up while cutting the fruit or the frond, and dust and other particles get into the eyes," he said.

Mr Rasalingam said the management should provide helmets, goggles, boots and uniforms to harvesters.

"We have a saying that we lose a drop of blood every time we go to work," he added.

Some harvesters of the estate wrote to the management on Jan 3 asking for a meeting to discuss safer working conditions.

Estate manager M. Ragunathan confirmed receiving the letter and said this is the first time a formal request has been made by harvesters for protective clothing.

However, he said the letter, which was signed by five workers who are not members of the National Union of Plantation Workers, cannot be entertained.

"The management will only talk with the union as this is not a personal matter," Mr Ragunathan said.

At the Golden Hope Estate, harvesters claimed they were facing the same problems.

The NUPW branch chairman of the estate, Mr T. Muthusamy, last month received a gash on his right hand when a falling frond hit him.

■ See Page Two



Mr Rasalingam pointing to the spines on a frond similar to the one that fell on him



Somy pointing to the gash he received on his arm when a frond fell on him

# 142 continue struggle despite the hardships

By KARMINDER SINGH

BATU ARANG, Sat.—They live in dilapidated houses, without electricity and their water was restored only after a court order and now they have been without income for about two months.

But some 142 workers of the Sungai Tinggi Estate have not lost hope although an eviction notice is hanging over their heads to add to their problems.

They have been on strike to press for certain demands from their management — Socfin Company Berhad. But even as they display their placards and banners for the 60th consecutive day, they are not sure if anything is going to materialise.

The chairman of the committee formed by the workers, Encik Selamat Shaharri said that basically the demands is for more humane conditions of work and stay.

The frustrations of the workers are displayed in the numerous placards that they have permanently planted in the compounds of their houses.

"The management has given us 'condemned' houses which are unfit for living. Almost all our roofs are leaking and it is unbearable during rain and when the sun is out strong," Encik Selamat said.

He added that the management has not built a clinic for them.

"The nearest hospital is

about 25km away and there is no bus service at night. There is also no ambulance," he said.

The workers are also demanding for a fixed basic pay. They claim that they have been paid 40 cents for per kilo of latex and 13 cents for per kilo of scrap rubber for as long as they can remember.

"We have no overtime although we work 12 hours per day at times. The long hours are because we have to do field work such as grass cutting and manuring."

Encik Selamat also claimed that the workers were not paid EPF and Socso benefits.



Families of the workers join in the strike... the demand is for more humane conditions of work and stay.

On Oct 17, the management responded to their demands by terminating their services and serving them evictions notices.

P. Balakrishnan, 27, and M. Supalingam, 26, are just two ex-rubber tappers who have turned into grasshopper catchers to feed themselves and their families.

"Since I expect the management to meet our demands, I did not go and look for other jobs. But at the same time, I had a family of nine to feed."

"Grasshoppers are just one of those things we can catch to earn some three to four dollars a day. On rainy days we catch frogs, on other days birds or lizards," said Balakrishnan.

He adds that his children too take part in this insect catching.

The womenfolk sometimes travel to nearby Rawang town to do washing or cleaning jobs.

A. Angamah, 47, said: "It is not always that we can earn that way. Sometimes the fare up and down to Rawang takes a portion of what I earn," she says.

"Also times are hard. People want to do their own chores. Even those who want us, ask that we work permanently, which is not what we want to do."

"We have lived here for thirty years and served the management. We intend to carry on working but under

improved conditions," said Angamah.

One or two families are luckier. They own cows and are able to earn a little extra by selling milk.

The workers are aware that they are staying on illegally, but they are not giving up.

"We are knocking on every door possible, and will carry on doing so until our demands are met. We have complained to the Labour Department. We have approached politicians and our State Assemblyman and we hope that the management will understand our plight."

The company management was not available for comment.



Encik Selamat... chairman of the workers' committee



M. Supalingam and P. Balakrishnan with their grasshoppers catch.



The condemned houses of the workers. Roofs almost destroyed. Note the disconnected electricity supply point on the wall.

# WORKERS PROTEST



Mr Gopal (right) and the secretary of the union Mr R. Perumal.

ALL 85 workers who have been retrenched by a rubber plantation in Cheras yesterday staged a protest against the compensation offered by management.

Chairman of the estate's National Union of Plantation Workers S. Gopal described the compensation as "too meagre compared to the number of years of service they had rendered to the company".

"Furthermore, it was only a verbal offer and we never heard from the management after our employment was terminated on Jan 1," he claimed.

The management has offered the workers 21 days' wages to a year's service as provided for under the law.

The union is appealing to the management to reconsider the offer and to allow the workers to stay on at the estate's quarters until they find alternative jobs and accommodation.

Mr Gopal also expressed the workers' concern that the estate's temple would be demolished by the new

Compensation too meagre compared to the length of service, they say



# CERITA SEDIH 300 PEKERJA LADANG DI KELANG

Oleh Nasir Osman Abbas

FOTO AZMAN AHMAD

KELANG | Dis. — Lebih 300 orang pekerja di sebuah ladang kelapa sawit, getah dan koko di pinggir bandar Kelang hidup tanpa menikmati keselesaan sejak lebih 20 tahun yang lalu.

Mereka tidak pernah hidup di bawah cahaya elektrik, bekalan air yang dicatut, tinggal di rumah - rumah usang, tanpa rawatan yang sempurna, dan kawasan sekitar yang penuh debu dan kotor.

Anak-anak mereka belajar di sebuah bangunan sekolah yang usang berusia lebih 50 tahun, tandas tanpa air dan berbagai lagi masalah kehidupan.

Ladang North Hammock kira-kira 6.4 kilometer sahaja dari bandar Kelang itu mengandungi seluas kira-kira 5,000 ekar yang telah wujud lebih 60 tahun yang lalu dan diambil alih oleh Kumpulan Ladang See Hoy Chan sejak tahun 1961.

## Bangunan uzur

Pekerja-pekerja di ladang ini telah membuat beberapa rayuan termasuk melalui saluran tertentu seperti Kesatuan Pekerja-Pekerja Ladang Kebangsaan, wakil-wakil rakyat dan majikan untuk mendapatkan bekalan api elektrik, air dan lain-lain kemudahan asas tetapi tidak pernah berjaya.

Ladang ini termasuk dalam kawasan wakil rakyat S.S. Subramaniam (negeri) dan Dato' Liow Sio Hon (Parlimen) van Sekarang men-



G.MUNUSAMY

PUAN P. MUKAYEE

Selama 60 tahun tidak pernah hidup di bawah cahaya lampu elektrik. Bekalan air dicatut.



A. PERUMAL (mandur)

V.RAJOO Pegawai Luar

Sahabat Alam Malaysia



SEKOLAH di Ladang North Hammock yang telah berusia lebih 50 tahun tempat anak-anak pekerja ladang mendapat pendidikan asas



KEADAAN di dalam bangunan usang yang digunakan sebagai rumah asuhan kanak-kanak dan kelihatan seorang bayi tersangkul pada sebuah buian yang hampir jatuh ke tanah.

## BAB IV

### MASALAH-MASALAH SOSIAL

#### Pengenalan

Dalam bab ini kita akan meninjau masalah-masalah sosial di Ladang ini. Dua masalah sosial utama yang akan dikupas dan dianalisa dalam bab ini ialah masalah sistem pendidikan dan masalah kemudahan-kemudahan kebajikan dan sosial.

#### 4.1 Sistem Pendidikan Di Ladang Carey Barat

Sistem pendidikan yang utama di ladang ini adalah pendidikan Vernakular Tamil. Ini adalah suatu fenomena umum dalam sektor perladangan di Malaysia.

Di ladang ini terdapat 2 buah sekolah. Sebuah sekolah rendah dan sebuah lagi sekolah menengah rendah. Sekolah rendah yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantaranya telah ditubuhkan pada tahun 1965. Ia adalah sekolah yang terbesar di seluruh Pulau Carey.

Sebenarnya, sebelum tahun 1965 terdapat sebanyak 9 buah sekolah di Pulau ini. Sekolah-sekolah rendah Tamil tersebut telah ditubuhkan sejajar dengan kehendak Labour Code 1923.<sup>1</sup> Menjelang

tahun 1965, sekolah-sekolah yang kecil dan terserak di seluruh Pulau ini telah digabungkan dalam 2 buah sekolah besar. Sebuah daripadanya terletak di ladang Carey Barat ini dan sebuah lagi di ladang Carey Utara.

Sekolah Tamil Ladang Carey Barat mempunyai jumlah murid seramai 256 orang (1984). Sekolah ini yang menjalankan kelas dari darjah 1 hingga darjah 6 hanya mempunyai 5 bilik kelas. Masalah kekurangan bilik kelas telah menyebabkan pihak berkuasa sekolah terpaksa mengendalikan kelas darjah 2 di kantin terbuka. Dari jumlah tenaga pengajar sekolah seramai 10 orang hanya 5 orang pernah menerima latihan perguruan yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Baki 5 orang tenaga pengajar menjalankan tugas mereka berdasarkan atas pengalaman peribadi sahaja.

Pada tahun 1976 sebuah sekolah menengah rendah yang pertama telah dibina berhampiran dengan Sekolah Rendah Tamil Carey Barat. Ia adalah satu-satunya sekolah menengah yang terdapat di seluruh Pulau ini.

Sekolah menengah rendah yang dibina dengan bantuan kewangan kerajaan mempunyai 13 orang tenaga pengajar yang terlatih. Mereka terdiri dari 5 orang Melayu, 4 orang India dan baki 3 orang terdiri dari kaum Cina. Sekolah ini yang dikendalikan dalam 2 sesi mempunyai 4 bilik kelas. Setiap sesi

merangkumi 4 kelas, yakni kelas-kelas Peralihan (2 kelas) dan Tingkatan I (2 kelas) pada sesi petang manakala Tingkatan 2 (2 kelas) dan Tingkatan 3 (2 kelas) dijalankan pada sesi pagi. Jumlah muridnya ialah seramai 300 orang. Hampir kesemua dari penuntut-penuntutnya datang dari 2 buah sekolah Tamil yang terdapat di Pulau ini.

Pendidikan merupakan salah satu faktor utama yang mendatangkan mobiliti sosio-ekonomi ke atas di kebanyakan negara.

Mengikut Toh Kin Woon (1984),<sup>2</sup>

"Education represents one of the most effective and efficient tools for the reduction of economic inequality"

Mengikut seorang ahli akademik Dr. Marimuthu, pendidikan adalah satu-satunya harapan bagi golongan proletariat estet bagi meninggikan taraf hidup mereka. Beliau berkata,<sup>3</sup>

"The plantation worker is convinced that in the absence of other avenues for social mobility, education is the only way for his children to get out of the plantation world and enjoy the good life. Education has become the talisman of hope and a symbol of success"

Sejauhmanakah kenyataan-kenyataan di atas benar dalam konteks sistem pendidikan di ladang Carey Barat? Apakah sistem pendidikan di ladang ini dapat membantu dalam mencapai mobiliti

sosio-ekonomi ke atas? Apakah sistem pendidikan ini dapat mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di antara kelas proletariat dengan kelas menengah (majikan dan pegawai-pegawai lain) di ladang ini atau adakah sistem pendidikan di ladang ini menjadi suatu masalah dan menghalang mobiliti sosio-ekonomi ke atas? Bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan di atas, kita akan mengupas dan menganalisa data-data yang dikumpul oleh pengkaji.

#### 4.1.1 Tahap Pendidikan Responden

Tahap pendidikan responden di ladang ini adalah rendah.

Ini dapat dilihat dari jadual 4.1 di bawah:

Jadual 4.1: Tahap Pendidikan Responden Lelaki

Tahap Pendidikan	Bil. Responden	Peratus
Tidak ada maklumat	2	6.1
Tidak bersekolah	9	27.3
Rendah bawah	7	21.1
Rendah atas	13	39.3
Menengah rendah	2	6.1
<b>Jumlah</b>	<b>33</b>	<b>100.0</b>

Pendidikan utama responden-responden lelaki ialah Tamil pendidikan formal. Pengkaji tidak mendapati responden lelaki yang pernah memasuki sistem pendidikan telah menerima pendidikan

Tamil. Dari jadual 4.1 didapati hanya 66.6% atau 22 orang responden lelaki menerima pendidikan formal. Manakala 27.3% atau 9 orang responden lelaki tidak pernah memasuki sistem pendidikan formal. Tidak dapat maklumat mengenai taraf pendidikan 2 orang responden yang lain.

Daripada responden yang menerima pendidikan formal, 21.1% bersekolah setakat rendah bawah dan 39.3% telah menamatkan pendidikan mereka selepas rendah atas. Jadi, 60.4% daripada hanya menerima pendidikan setakat sekolah rendah Tamil. Manakala, baki 6.1% melepas pendidikan rendah Tamil dan berjaya menjelak kaki ke sekolah menengah. Mereka terpaksa melanjutkan persekolahan menengah rendah di luar dari Pulau ini. Ini adalah kerana tidak wujud sekolah menengah di Pulau Carey ini sehingga tahun 1976.

Secara keseluruhan, taraf pendidikan responden-responden lelaki rendah sekali. Kita akan meninjau faktor-faktor yang menyumbangkan kepada pencapaian yang rendah di akhir bahagian ini.

Kini kita akan meninjau taraf pendidikan responden wanita yang berjumlah seramai 17 orang.

Dari analisa data dalam jadual 4.2 menunjukkan 35.3% atau 6 daripada 17 responden tidak pernah memasuki sistem pendidikan formal. Peratusan ini adalah lebih tinggi daripada peratusan lelaki yang tidak menerima pendidikan formal. Responden-responden wanita yang tercincir dari sistem pendidikan di peringkat rendah bawah

Jadual 4.2: Taraf Pendidikan Responden Wanita

Tahap Pendidikan	Bil. Responden	Peratus
Tidak bersekolah	6	35.3
Rendah bawah	6	35.3
Rendah atas	5	29.4
Jumlah	17	100.0

ialah 35.3% manakala di peringkat rendah atas ialah 29.4%. Tidak seorang responden wanita pun melanjutkan pendidikan selepas sekolah rendah Tamil.

Secara keseluruhan, tahap pendidikan responden-responsen wanita adalah rendah. Secara relatif pencapaian akademik mereka jauh lebih rendah daripada responden-responsen lelaki. Sebenarnya, pencapaian akademik yang rendah oleh mereka tidak menghairankan kerana di samping faktor-faktor lain, pendidikan gadis-gadis tidak dipentingkan oleh masyarakat India (khususnya masyarakat ladang) atas sebab-sebab kebudayaan. Kebenaran fakta ini telah dibuktikan oleh Rabindra Daniel.<sup>4</sup>

"They (girls) are prepared for a life (marriage)  
and not a career"

Mengikut kebudayaan tardisi India tempat wanita adalah di rumah (di dapur). Mereka tidak digalakkan untuk menceburkan diri

dalam kegiatan-kegiatan berunsurkan ekonomi.

Keciciran yang tinggi di kalangan wanita adalah juga kerana amalan beberapa upacara-upacara agama atau 'life cycle rites' yang dijalankan ialah semasa kelahiran bayi, apabila mencapai kedewasaan atau 'akal baligh' dan sebagainya. Upacara meraikan kedewasaan atau 'akal baligh' gadis disambut dengan meriah sekali di estet. Mengikut Jain (1970),<sup>5</sup>

"The celebration begins with the start of menstruation and is climaxed with the purification ceremony which is held in the girl's father's house on an auspicious day soon after bleeding"

Dalam masa tersebut anak perempuan akan diisolasi dari masyarakat melainkan dengan kaum sejenis. Mereka dilatih dalam peranan ibu dengan memberi pendidikan informal seperti belajar memasak, menjaga anak dan membuat kerja-kerja rumah yang lain. Mengikut Daniel pula,<sup>6</sup>

"This ritual is in reality an informal announcement that the girl has come of age (i.e. ready for marriage)"

Pada lazimnya mereka diberhentikan dari sekolah. Maka sebab itulah keciciran di kalangan responden-responden wanita sangat tinggi.

#### 4.1.2 Tahap Pendidikan Anak-anak Responden

Jadual 4.3: Tahap Pendidikan Anak-anak Responden

Tahap Pendidikan	Bil. Anak	Peratus
Sekolah Rendah	49	48.5
Peralihan dan Tingkatan 1 - 2	23	22.8
SRP	18	17.8
Tingkatan 4 dan 5	7	6.9
Tingkatan 6 Rendah & STPM	1	0.99
Kolej Teknik	3	2.9
Universiti	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>101</b>	<b>100.0</b>

Hampir kesemua responden mempunyai anak-anak yang bersekolah. Dari jadual didapati 49 orang anak-anak responden berada di bangku sekolah rendah dan kesemuanya menuntut di Sekolah Tamil Pulau Carey Barat. Sekolah Tamil ini terletak lebih kurang satu batu dari 'Labour lines'. Seramai 41 orang anak-anak responden menuntut di Sekolah Menengah Rendah Pulau Carey. Daripada 41 pelajar tersebut, 23 adalah menuntut di antara Peralihan dan Tingkatan 2. Manakala 18 orang akan menduduki bagi peperiksaan SRP tahun ini (1985). Seramai 8 orang anak-anak responden menuntut di peringkat sekolah menengah atas. Oleh kerana tidak

ada sekolah menengah atas di Pulau ini maka anak-anak responden terpaksa menuntut di berbagai sekolah di bandar Kelang (lebih kurang 25 batu dari Carey). Daripada 8 orang yang menuntut di sekolah menengah atas hanya seorang mengambil peperiksaan STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) manakala yang lain berada di Tingkatan 4 dan 5.

Selain daripada itu, seramai 3 orang anak responden (semuanya lelaki) menuntut di Institusi Teknologi, Pekerja-pekerja (Workers Institute of Technology) di Pandamaran, Pelabuhan Kelang. Mereka menjalani berbagai latihan teknikal. Dua daripada mereka menerima latihan dalam bidang elektrikal dan seorang lagi dalam pemberian radio dan TV. Sungguhpun, anak-anak responden ini berjaya melepasi belenggu dunia perladangan namun ini adalah kes-kes kekecualian kerana ramai yang tidak dapat keluar dari sistem tersebut.

Dari kajian juga didapati tidak seorang daripada anak-anak respondenpun berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Ini sebenarnya, tidaklah menghairankan kerana peratusan anak-anak proletariat estet yang memasuki universiti-universiti tempatan setiap tahun adalah amat rendah. Mengikut James Clad (1984)<sup>7</sup>

"Only a minute 0.3% of estate workers' children had ever started, let alone completed, university level studies"

Walaupun, secara perbandingan tingkat pelajaran anak-anak responden adalah lebih baik daripada responden-responden itu sendiri. Namun begitu pencapaian mereka tidaklah dapat dibanggakan. Ini adalah kerana hanya segelintir kecil daripada anak-anak responden lulus peperiksaan-peperiksaan kerajaan seperti peperiksaan darjah 5, SRP dan SPM. Ini dapat dibuktikan sekiranya kita meninjau pencapaian akademik Sekolah Rendah Tamil Pulau Carey Barat dan Sekolah Menengah Rendah Carey. Oleh kerana kesemua anak-anak responden (di samping murid-murid dari ladang lain) menghadiri sekolah-sekolah tersebut melainkan mereka yang menuntut di bandar Kelang maka adalah wajar dan tepat jika kita menggunakan pencapaian sekolah-sekolah ini sebagai 'kayu ukur' bagi menentukan prestasi akademik anak-anak responden.

#### 4.1.3 Pencapaian Akademik Di Peringkat Sekolah Rendah Tamil

Kajian penulis menunjukkan prestasi akademik sekolah rendah Tamil adalah sungguh mengecewakan. Dalam peperiksaan penilaian darjah 5 pada tahun 1983 hanya 3 orang calon atau 7.69% sahaja lulus. Ini bererti 92.31% calon-calon yang lain telah gagal. Pencapaian akademik yang rendah oleh anak-anak pekerja di ladang ini membuktikan kebenaran kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini di sektor perladangan. Mengikut seorang pengkaji sistem pendidikan Tamil yang terkenal Dr. T. Marimuthu,<sup>8</sup>

"The plantation workers' children have become an educationally disadvantaged group, with the highest drop-out rates, lowest achievement levels and attending the 'poorest and smallest' schools."

Pendapat itu telah diperkuuhkan oleh P. Subramaniam (1970),<sup>9</sup>

"The usefulness and role of Tamil Schools must be called into question. These schools cut away from the mainstream of education and almost catering for working class backgrounds, are educational lagoons or backwaters"

Sebuah akhbar tempatan, New Straits Times (9th July 1975) juga telah menyentuh tentang pencapaian sekolah Tamil dalam sidang pengarangnya,<sup>10</sup>

"More than half of Indian primary pupils attend Tamil Medium Schools, the most efficient breeding ground for failure and frustration in Malaysia's education system"

Peperiksaan Penilaian Darjah 5 (1983) menunjukkan murid-murid di ladang Carey Barat paling lemah dalam Bahasa Malaysia. Ini amat membimbangkan kerana Bahasa Malaysia adalah bahasa pengantar utama di peringkat sekolah menengah.

Masalah dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah Tamil adalah suatu masalah yang telah lama wujud, khususnya di sektor perladangan. Mengikut Dr. T. Marimuthu,<sup>11</sup>

Jadual 4.4: Prestasi Peperiksaan Penilaian Darjah 5 (1983)

Mata Pelajaran	Bil. Murid	Bil. Lulus	Peratus
Bahasa Malaysia	39	3	7.69
Bahasa Inggeris	39	10	25.64
Ilmu Hisab	39	11	28.20
Sains	39	8	20.50
Sejarah dan Ilmu Alam	39	16	41.0
Tamil	39	12	30.76

Sumber: Rekod Sekolah Rendah Tamil, Pulau Carey Barat

"The mastery of even the basic skills such as the 3L (Reading, Writing and Arithmetic) in Bahasa Malaysia are also relatively poorer than the other schools. Further it is surprising to note that after 6 years of primary education, 40% of the pupils in Tamil schools were unable to read in Bahasa Malaysia" (Rujuk Lampiran I bagi statistik)

Keadaan yang sama juga dapat diperhatikan di Sekolah Rendah Tamil, Pulau Carey. Pencapaian dalam Bahasa Malaysia di Peperiksaan Penilaian Darjah 5 di antara tahun 1979 dan 1983 menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan.

Pada tahun 1979 daripada 39 calon yang menduduki peperiksaan penilaian hanya 4 orang atau 10.25% lulus, manakala

Jadual 4.5: Prestasi Dalam Bahasa Malaysia  
Di Antara Tahun 1979 dan 1983

Tahun	1979		1980		1981		1982		1983	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Lulus	4	10.25	2	6.25	1	3.33	2	5.71	3	7.69
Jumlah Calon	39		32		30		35		39	

pada tahun 1980 ialah 2 orang atau 6.25% (jumlah calon 32), 1981 hanya seorang lulus atau 3.33% daripada jumlah 30 calon. Pada tahun 1982 2 orang atau 5.71% lulus dan pada tahun 1983 3 orang atau 7.69% (jumlah calon 39) sahaja lulus. Peratusan calon sekadar melulus Bahasa Malaysia adalah begitu teruk sekali. Apatah lagi mendapat gred yang baik? Penguasaan bahasa Malaysia yang baik adalah penting memandangkan hakikat bahawa ia menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan nasional. Kelemahan penguasaan Bahasa Malaysia akan nescaya menjelaskan prestasi anak-anak responden di peringkat sekolah menengah. Pandangan yang sama juga telah dinyatakan oleh J.J. Colletta (1975),<sup>12</sup>

"Those who are in Tamil school are at a disadvantage when they go to secondary school with regards to language (Bahasa Malaysia). They have to spent a year in remove class just to make up and then they still are at the bottom in their examinations and throughout their future education"

Selain daripada matapelajaran Bahasa Malaysia pencapaian mereka dalam matapelajaran yang lain juga kurang memuaskan. Pada tahun 1983 (rujuk jadual 4.5) dalam Bahasa Inggeris hanya 25.64% lulus, Ilmu Hisab 28.2%, Sains 20.5%, Sejarah dan Ilmu Alam 41% dan Bahasa Tamil 30.76%.

#### 4.1.4 Pencapaian Akademik Di Peringkat Sekolah Menengah

Memandangkan hakikat bahawa kualiti pendidikan yang rendah diterima oleh murid-murid di sekolah Tamil serta kelemahan penguasaan Bahasa Malaysia yang menjadi bahasa pengantar utama, maka sudah semestinya mereka dijangka akan menghadapi masalah di sekolah menengah.

Jangkaan ini adalah benar sekiranya kita meninjau pencapaian murid-murid dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1984.

Pada tahun 1984 dalam peperiksaan SRP hanya 6 hanya pelajar dari Sekolah Menengah Carey berjaya memperolehi Pangkat A. Ia merangkumi 13.3% daripada keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan kerajaan tersebut. Seramai 9 orang calon mendapat Pangkat B dan 3 orang calon atau 6.7% memperolehi Pangkat C serta 6 orang calon atau 13.3% mendapat kelulusan bersyarat. Majoriti daripada calon yang menduduki peperiksaan SRP pada tahun 1984 telah gagal. Peratusan yang gagal ialah 46.67% calon. Pencapaian

calon-calon di peringkat SRP ini tidak langsung menggalakkan. Masalah pendidikan di peringkat menengah ini sebahagian besarnya (di samping faktor-faktor lain) adalah berpunca dari sistem pendidikan bermutu rendah lagi pincang di peringkat sekolah rendah.

Jadual 4.6: Pencapaian Di S.R.P. (1984)

Pangkat	Bilangan	Peratus
Pangkat A	6	13.3
Pangkat B	9	20.0
Pangkat C	3	6.7
Pangkat S	6	13.3
Gagal	21	46.6
Jumlah	45	100.0

Sumber: Rekod Sekolah Menengah, Pulau Carey Barat

Pandangan ini juga telah disuarakan oleh seorang pengkaji Muhd. Kaddyran (1978),<sup>13</sup>

"The educational deficit at primary school level also affects their performance at the secondary level"

Muhd. Kaddyran (1978) yang telah menjalankan satu kajian berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh murid-murid di dua buah sekolah menengah mendapati kadar kelulusan di peringkat SRP adalah rendah. Sebagai misalan, purata kelulusan bagi 3 tahun (1975 - 1977) di

Sekolah Menengah Kebangsaan Petaling bagi murid-murid India (yang merangkumi kategori yang terbesar dari sektor perladangan dalam sampel itu) adalah 29% berbanding dengan 61% bagi murid-murid Melayu; di Sekolah Menengah Kebangsaan Batang Berjuntai, di mana majoriti penuntut-penuntut adalah India yang datang dari sektor perladangan mempunyai kadar kelulusan 18% berbanding dengan 70% bagi murid-murid Melayu.

Pendidikan adalah satu masalah yang serius di estet ini. Pencapaian akademik yang rendah di kalangan responden dan anak-anak responden membuktikan sistem pendidikan Tamil di ladang ini telah membantut pencapaian mobiliti sosio-ekonomi ke atas. Sesungguhnya, ia telah gagal dalam mengubah struktur sosial dan struktur ekonomi golongan proletariat di ladang ini. Sebaliknya, sistem pendidikan Tamil telah memainkan peranan secocok dengan kehendak struktur ekonomi dan sosial ladang ini, iaitu sebagai sumber pembekal, buruh-buruh yang murah dan tidak mahir.

Masalah ini adalah satu fenomena umum di sektor perladangan. Berhubung dengan masalah pendidikan di estet, N.J. Colleta (1978) telah berkata,<sup>14</sup>

"It is the estate economic environment that conditions education, and it is totally impossible to change that environmental social structure through the schools, because the schools supply what the environment demands"

Dari kajian penulis telah dikenalpasti beberapa faktor utama yang telah menyumbangkan kepada masalah pendidikan di ladang Carey Barat ini. Di antara faktor-faktor utama ialah masalah enviromen rumah, masalah enviromen sosial ladang dan masalah sistem pendidikan Tamil itu sendiri.

#### 4.2 Environment Rumah (Fizikal dan Sosial)

Kajian penulis menunjukkan bahawa responden-responden mempunyai famili yang agak besar. Bilangan isi rumah purata ialah 6 orang. Ini mewujudkan suatu situasi yang penuh sesak di rumah. Ini adalah kerana luas ruang lantai adalah kecil. Kebanyakan rumah-rumah yang telah dibina pada tahun-tahun 1950an mempunyai luas ruang lantai kurang dari 200 kaki persegi. Luas ruang lantai ini tidak sejajar dengan kehendak Akta Taraf Perumahan Pekerja 1966, di mana ruang lantai minima yang ditetapkan ialah tidak kurang dari 260 kaki persegi bagi bilangan isi rumah yang tidak melebihi 5 orang.<sup>15</sup>

Suasana rumah yang sempit dan buruk ini bukan sahaja tidak sesuai bagi pembelajaran malah akan mengganggu psikologi murid-murid. Ini telah dinyatakan oleh Schaffer (1970),<sup>16</sup>

"The lack of space in the dwelling units has led to a lack of privacy amongst the dwellers. Bad housing conditions contribute to stress and situations which irritate and disturb especially the teenage children"

Di samping itu, suasana rumah yang sesak, masalah bising dan gangguan-gangguan lain, misalnya gangguan TV (anggota-anggota keluarga menonton rancangan-rancangan TV atau video semasa anak-anak belajar) serta kekurangan kemudahan pembelajaran (seperti 'study table' and 'study lamp') akan nescaya menjelaskan pencapaian akademik murid-murid. Keadaan atau environmen rumah adalah angkubah yang penting dan mempunyai kesan ke atas anak yang membesar. Ini telah ditekankan oleh seorang ahli akademik, Rabindra Daniel,<sup>17</sup>

"Low academic achievement can be due to dingy housing conditions. Housing, which is often treated as unimportant sosio-ekonomic variable has significant impact on the growing child"

'Cultural Capital'<sup>18</sup> di rumah responden juga didapati rendah. Responden-responden yang terdiri dari kelas pekerja mempunyai status pendidikan yang rendah. Dari kajian penulis didapati 27.3% responden lelaki dan 35.3% responden perempuan tidak bersekolah dan mereka boleh dianggap sebagai buta huruf. Manakala 60.5% responden lelaki dan 64.7% responden perempuan hanya terdidik setakat sekolah rendah. (rujuk jadual 4.1 dan 4.2). Maka 'Knowledge Capital' atau 'Cultural Capital' di rumah responden adalah kurang baik untuk mencetuskan rangsangan intelektual (intellectual stimulus) kepada anak-anak mereka.

Ini kerana terdapat korrelasi yang kuat di antara status pendidikan bapa dan anak-anak mereka. Ini telah dibuktikan

oleh seorang pengkaji Mrs. Sarjit Singh (1973),<sup>19</sup>

"Correlation between fathers' status and the respondents' educational attainment was which is a significant correlation indicating that, on the whole, those persons who attained only a low level of education had parents with low status.'

Keadaan 'iklim pelajaran' di rumah menjadi lebih buruk akibat ketidakwujudan bahan-bahan bacaan seperti majalah-majalah, suratkhabar dan buku-buku yang bermutu. Akan tetapi, didapati responden-responden melanggan majalah-majalah Tamil yang berunsurkan hiburan, misalnya 'Thuthan', 'Indian Movie News', 'Kumuthan' dan sebagainya, yang tidak banyak memanfaatkan pembaca.

Environmen rumah yang buruk ini telah mewujudkan kesan negatif ke atas aspirasi dan motivasi anak-anak responden. Walaupun, pengkaji tidak menjalankan penyelidikan ke atas aspek aspirasi dan motivasi anak-anak responden terhadap pelajaran untuk membuktikan kesahihan kenyataan di atas. Namun demikian, kajian-kajian sebelum ini telah membuktikan perkara ini. Murad haji Mohd. telah menyentuh perkara ini dalam 'Laporan Kajian Keciciran' 1973. Beliau berkata,<sup>20</sup>

"The Tamil schools has the lowest motivational rating"

Jadi, environmen rumah yang kurang memuaskan juga telah menjejaskan pencapaian akademik anak-anak responden.

#### 4.3 Environment Sosial Ladang

Terdapat korrelasi yang signifikan di antara environment sosial ladang dengan pencapaian akademik. Ini juga telah dinyatakan oleh David P. Ausubel,<sup>21</sup>

"The more variable the environment to which individual are exposed the higher the resulting level of effective stimulation"

Environmen sosial ladang ini adalah 'monotonous' dan memberikan kesan rangsangan (stimulating effect) yang kurang. Ladang Carey Barat ini terpencil dari pusat-pusat bandar. Bandar yang terdekat jaraknya ialah lebih kurang 25 batu. Sebilangan besar dari pemuda-pemudi di ladang ini adalah tercincir dari sistem persekolahan. Tidak ada kumpulan 'peer' (peer group) bangsa lain atau kelas atasan bagi memberi saingan kepada anak-anak responden dalam mencapai kecemerlangan akademik. Murad Haji Mohd. (1973)<sup>22</sup> telah menjelaskan dengan menarik segregasi dan kesannya ke atas remaja-remaja di estet,

"The segregation of the disadvantaged youth creates an encapsulated society with a distinctive sub-culture. They are a community themselves. In many respects their members are similar to one another. They are disadvantaged financially in their prospects, in their perception of the value of education, in their developed verbal and intellectual skills, in their outlook and interest"

Jadi, tidak ada tekanan sosial atau 'social pressures'

yang memaksa seseorang untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Di sebaliknya, di bandar tekanan sosial adalah tinggi kerana ibubapa berpelajaran tinggi, adik-beradik mempunyai tradisi pencapaian akademik yang cemerlang, terdapat contoh-contoh kejayaan cemerlang di kalangan kumpulan 'peer' yang memberi rangsangan dan galakan bagi memperolehi pencapaian akademik yang tinggi.

Environmen sosial ladang Carey Barat ini menyemaikan satu 'sub-culture of poverty' di kalangan penuntut-penuntut yang mempunyai sikap negatif, fatalisma, kurang minat dalam pelajaran dan sebagainya.

J.P. Malimau<sup>23</sup> telah menyimpulkan enviromen estet yang pincang dengan menarik sekali,

"Even the day to day life on the estate is dull and monotonous. There are no novel events occurring or new successful, intellectually stimulating persons that one meets who challenge one to improve one's present condition, who show ways of rising above one's current situation. Living thus is an atmosphere of monotony and intellectual sterility, the student from the estate lacks the incentives and the stimuli to fully develop his intellectual capacities"

#### 4.4 Masalah Sekolah Tamil

Ramai pengkaji-pengkaji sains sosial telah menyatakan bahawa kepincangan fizikal dan sistem peleajaran Tamil adalah

punca utama taraf pendidikan yang rendah di sekolah-sekolah estet.

S. Umadevi juga telah memberi komen tentang hal ini, beliau berkata,<sup>24</sup>

"Estate children come from handicapped homes and go to handicapped schools"

Sekolah Tamil di ladang ini yang dibina pada tahun 1965 mempunyai murid seramai 256 orang. Ini bermaksud setiap kelas terdapat lebih kurang 42 murid. Ini mewujudkan kesesakan di kelas. Walaupun, bangunan diperbuat daripada simen namun tidak ada 'ventilation' yang baik. Tambahan lagi, kipas tidak dapat digunakan kerana tenaga elektrik hanya dibekalkan ke 'Labour lines' dan sekolah ini (oleh kerana sekolah ini terletak di tengah-tengah 'labour lines') dari pukul 7 petang sampai 12 malam. Keadaan sedemikian sudah pasti akan menjadikan konsentrasi murid-murid di kelas.

Di sekolah ini hanya terdapat 5 bilik tetapi mempunyai 6 kelas. Maka kelas darjah 2 terpaksa diadakan di kantin sekolah. Kelas yang diadakan di sini terdedah kepada gangguan-gangguan luar (sebuah jalanraya terletak berhampiran dengan sekolah ini) Lebih buruk lagi, murid-murid sekolah menengah yang mempunyai masa rehat pada masa yang berlainan juga menganggu perjalanan kelas ini.

Di sekolah ini tiada sebuah perpustakaan dalam ertikata sebenarnya. Terdapat sebuah almari berkaca/'showcase' di belakang

darjah 5 yang berisi dengan buku-buku yang beredisi lama dan hampir kesemuanya dalam bahasa Tamil. Sebuah lagi almari kecil memuatkan beberapa majalah 'Plain truth' (yang didapati percuma) dan beberapa buku cerita Tamil. Ini dipanggil 'Perpustakaan' oleh guru kanan sekolah Encik Angamuthu. Apa yang dikesali ialah buku-buku yang terdapat dalam 'Perpustakaan' ini tidak banyak membantu dalam kemahiran bahasa (terutamanya Bahasa Malaysia) dan pembinaan ilmu pengetahuan kanak-kanak sekolah. Ini adalah kerana buku-bukunya adalah tertinggal zaman dan kurang 'educational'. Suratkhabar-suratkhabar dan majalah-majalah (misalnya Dewan Masyarakat, Dewan Pelajar, Mastika dan sebagainya) tidak kelihatan di 'Perpustakaan' ini, yang tidak mempunyai seorang perpustakawanpun.

Di antara tenaga akademik yang terdapat di sekolah ini, 5 daripadanya (50% daripada jumlah guru) tidak mempunyai sebarang latihan perguruan. Mereka mengajar berdasarkan pengalaman pribadi mereka. Kelulusan guru-guru di sekolah ini juga rendah. Tidak seorang pun yang mempunyai kelulusan lebih daripada L.C.E. (SRP sekarang). Ada di kalangan guru-guru didapati (mengikut guru kanan sekolah, Angamutu) hanya menunggu peluang dan masa untuk mencari pekerjaan lain yang lebih baik. Maka kebolehan dan dedikasi guru-guru ini boleh dipertikaikan.

Guru-guru adalah penting kepada pencapaian akademik kanak-kanak sekolah estet ini. Kelakuan, pendapat, persepsi dan nilai mereka akan memberi kesan kepada perkembangan pribadi serta motivasi dan

pencapaian mereka. Ini juga telah dinyatakan oleh Ellis dan Lane (1963)<sup>25</sup>

"The school teacher is the chief source of outside support for upward mobility, especially for the lower class youths"

Satu lagi kepincangan sekolah Tamil ladang ini ialah kandungan sukatan pelajaran yang kurang relevan dengan sistem pendidikan nasional. Kesemua matapelajaran di sekolah ini melainkan Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia diajar dalam Bahasa Tamil. Masa yang diperuntukan bagi Bahasa Malaysia tidak mencukupi. Hanya 40 minit sehari diperuntukan. Ini jauh dari memuaskan memandangkan hakikat bahawa bahasa ini jarang ditutur di luar dari kelas. Maka penekanan yang kurang ini telah menyebabkan murid-murid sekolah estet ini lemah dalam penguasaan Bahasa Malaysia. Ini sudah pasti akan menjelaskan pencapaian akademik mereka kerana ia adalah bahasa pengantar yang utama dalam sistem pendidikan Malaysia. Kebenaran kenyataan ini telah dibuktikan oleh pencapaian murid-murid sekolah ini dalam peperiksaan penilaian darjah lima di mana hanya 7.69% lulus (rujuk jadual 4.5) pada tahun 1983.

Pencapaian yang rendah dalam Bahasa Malaysia bukan suatu masalah tempatan (di ladang ini) sahaja malah ia adalah suatu masalah yang wujud di kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di peringkat nasional. Punca utamanya ialah peruntukan masa yang kurang bagi Bahasa Malaysia. Jadual 4.7 mencerminkan keadaan tersebut.

**Jadual 4.7: Masa Yang Diperuntukan Bagi Bahasa Malaysia  
di Sekolah Kebangsaan dan Di Sekolah Tamil Pada  
Tahun 1985**

Darjah	Masa Yang Diperuntukan Di Sekoleh Kebangsaan	Masa Yang Diperuntukan Di Sekolah Tamil	Perbezaan Masa
I	442.6 jam	69.6 jam	373.0 jam
II	354.6	157.6	197.0
III	354.6	118.2	236.4
IV	275.8	118.2	157.6
V	275.8	118.2	157.6
VI	275.8	118.2	157.6
<b>Jumlah</b>	<b>1,979.2</b>	<b>700.0</b>	<b>1,279.2</b>

Sumber: Akhbar Tamil Nesan Keluaran 2hb. Jun (Ahad), 1985

Jadi, kepincangan sekolah dari segi fizikal, sukanan pelajaran dan masalah tenaga pengajar telah menjadikan prestasi akademik murid-murid di ladang ini.

#### 4.5 Kemudahan-kemudahan Kebajikan dan Sosial

##### 4.5.1 Kemudahan-kemudahan Kesihatan

"It has often been said that more people go to heaven from the fear of the devil than the love for God. The same can be said for health and health provisions on Estates" (Dr. B. Jagdev Singh)<sup>26</sup>

Pendapat Dr. Jagdev menerangkan dengan tepat keadaan sistem kesihatan di ladang Pulau Carey Barat.

Di keseluruhan Pulau Carey ini terdapat 9 buah dispensari dan sebuah hospital kumpulan (Group hospital) yang terletak di ladang Carey Barat.

Hospital Kumpulan di Carey Barat ini ditadbirkan oleh seorang pembantu perubatan (Hospital Assistant) yang dibantu oleh 3 orang 'dresser' pelatih, seorang jururawat pelatih dan 2 orang pelayan hospital. Seorang Pegawai Perubatan (Visiting Medical Officer atau VMO) melawat hospital ini seminggu sekali bagi beberapa jam.

Di hospital kumpulan ini tidak terdapat kemudahan-kemudahan teknologi perubatan yang moden. Hanya terdapat beberapa buah katil dan ubat-ubatan. Ianya juga tidak didaftarkan di

bawah Akta Hospital 1971 dan Peraturan Hospital Swasta 1973. Ini membuktikan kajian Kementerian Kesihatan (1982), di mana didapati lebih 70% daripada hospital-hospital di estet-estet tidak didaftarkan di bawah Akta Hospital 1971 dan Peraturan Hospital Swasta 1973. Mengikut Eddy Lo,<sup>27</sup> hospital-hospital ini tidak di daftarkan kerana mereka gagal dalam memenuhi peraturan-peraturan yang termaktub dalam Akta-akta tersebut.

Hospital ini dikelolakan oleh seorang Pembantu Hospital (H.A.). Beliau menjalankan tugas-tugas seorang doktor dari 'diagnosis' hingga memberi rawatan. Ini adalah bercanggah dengan Akta Perubatan 1971 (Medical Act 1971) di mana dinyatakan dengan jelas bahawa hanya doktor-doktor yang berkelayakan dapat menguruskan hal-hal tentang perubatan. Peraturan 30 'Labour Code' 1933 juga menyatakan bahawa Pembantu Hospital hanya boleh memberi rawatan awal tetapi ini juga tertakluk kepada pengawasan seorang doktor yang berkelayakan.

Pembantu-pembantu Hospital di estet sebenarnya dilantik untuk merawat penyakit-penyakit yang ringan seperti pening kepala, sakit perut, demam ringan, selsema dan cedera ringan. Mereka ini tidak dilatih secara profesional untuk menjalankan tugas-tugas seorang doktor. Berbeza dengan Pembantu Hospital di hospital-hospital kerajaan yang menjalankan latihan formal, Pembantu-pembantu Hospital di estet hanya menerima latihan dari

'senior' mereka dalam tugas atau 'on the job training'. Mereka ini juga tidak menerima sebarang latihan dari badan-badan profesional seperti 'Public Health Institute', 'Malaysian Medical Association' atau dari universiti-universiti tempatan. Maka adalah merbahaya bagi mereka membuat 'diagnosis' dan 'prescription' kerana mereka tidak terlatih secukupnya dalam hal ini.

Keadaan di estet Carey Barat ini tidaklah seburuk dengan estet-estet yang lain. Mengikut kajian Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) (1979) dalam 165 estet-estet di Semenanjung Malaysia didapati 27% daripadanya langsung tidak mempunyai sebarang kemudahan-kemudahan kesihatan, 14% tidak ada 'dresser' dan 29% hanya menerima perkhidmatan "HA" atau Pembantu Hospital seminggu sekali.

Walau bagaimanapun, responden-responden tidak puashati dengan kemudahan kesihatan yang wujud di ladang ini.

Daripada kajian penulis didapati responden-responden dalam masa kebelakangan ini lebih suka mendapat rawatan hospital kerajaan daripada hospital estet.

Mengikut jadual 4.8 responden mendapat rawatan selalu daripada hospital kerajaan. Manakala hanya 21 responden mendapat rawatan selalu di hospital ladang. Ini dengan jelas mencerminkan ketidakpuasan responden terhadap perkhidmatan kesihatan di hospital ladang. Penulis juga diberitahu bahawa kos pengangkutan responden-

Jadual 4.8: Jika Saudara/i ataupun Keluarga  
Saudara/i Jatuh Sakit Dari Mana  
Saudara/i Mendapat Rawatan

Jenis Hospital	Selalu	Kurang	Tidak Pernah
Hospital Estet	21	29	-
Hospital Kerajaan	26	24	-
Klinik Swasta	1	6	43
Bomoh/dukun	-	2	48
Lain-lain	-	-	-
Tidak ada	-	-	-

responden ke hospital kerajaan iaitu Hospital Besar Kelang tidak dibiayai oleh majikan. Ini adalah bercanggah dengan 'Labour Code' 1933 di mana dinyatakan bahawa kos pengangkutan pesakit-pesakit perlu dibiayai oleh majikan.

Penulis juga memperolehi data mengenai tempat kelahiran anak yang terakhir responden atau isteri responden (rujuk jadual 4.9). Didapati bahawa lebih ramai daripada responden kini melahirkan anak di hospital kerajaan (khususnya di Hospital Kerajaan iaitu Hospital Besar Kelang dan ada juga yang melahirkan anak di Hospital Universiti di Petaling Jaya). Peratusan yang melahirkan anak yang terakhir di Hospital Estet ialah 26% berbanding 68% di Hospital Kerajaan. Responden atau isteri-isteri responden melahirkan anak

Jadual 4.9: Tempat Kelahiran Anak-anak Yang Terakhir

Jenis	Bilangan	Peratus
Hospital Estet	13	26
Klinik Swasta	3	6
Hospital Kerajaan	34	68
Bidan di rumah	-	-
Lain-lain	-	-
Jumlah	50	100

di Hospital Kerajaan bukan bererti mereka mempunyai kemampuan kewangan. Sebaliknya, adalah kerana mereka mempunyai kesedaran kesihatan yang lebih dan ingin mendapat kemudahan kesihatan yang lebih baik daripada apa yang disediakan oleh hospital estet.

Secara keseluruhan, didapati ramai responden tidak puashati dengan kemudahan kesihatan yang terdapat di ladang Carey Barat ini. Daripada analisa data didapati 72% atau 36 responden tidak puashati dengan kemudahan yang disediakan.

Seramai 10 orang responden atau 20% menyatakan mereka puashati dengan kemudahan kesihatan manakala 2% menyatakan mereka tidak tahu. Baki 6% enggan mengulas tentang kemudahan kesihatan di estet atas sebab-sebab yang tertentu.

Jadual 4.10: Adakah Saudara/i Puashati Dengan Kemudahan Kesihatan Di Estet Ini

	Bilangan	Peratus
Puas	10	20
Tidak Puas	36	72
Tidak tahu	1	2
Tiada Response	3	6
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Jenis kerja yang dilakukan oleh golongan proletariat di estet ini mendedahkan mereka kepada bahaya kesihatan (health hazards). Pekerjaan-pekerjaan seperti menyembur racun dan 'harvesting' terdedah kepada bahaya kesihatan. Ramai pekerja-pekerja di ladang ini tercedera semasa menjalankan tugas (rujuk bab 3 - Masalah Pekerjaan). Akan tetapi majikan mengambil sikap yang 'tidak apa'. Mereka mempertuntukkan kewangan yang minima bagi kemudahan kesihatan di ladang ini. Ini adalah kerana mereka menganggap perbelanjaan ini sebagai perbelanjaan tidak produktif atau 'unproductive expenditure'.

Satu lagi sungutan responden-responden ialah mereka mendakwa bahawa Pembantu Hospital (HA) jarang memberikan cuti sakit atau M/C walaupun mereka benar-benar sakit dan tidak cergas untuk menjalankan tugas. Menurut mereka Pembantu Hospital enggan memberi

M/C kerana segangkan majikan. Majikan tidak menggalakkan pekerja-pekerja mengambil cuti supaya memastikan pengeluaran tidak terjejas. Di samping itu, apa yang benar-benar mengecewakan responden-responden ialah sebuah kilang kelapa sawit telah didirikan kira-kira 250 meter dari hospital estet ini. Kilang tersebut mengeluarkan kepulan-kepulan asap hitam yang tebal. Bayangkanlah pencemaran yang berlaku!

#### 4.5.2 Perumahan

Kesemua responden tinggal di rumah yang telah disediakan oleh majikan secara percuma.

Sebilangan besar daripada rumah-rumah responden atau dikenali secara popular sebagai 'labour lines' adalah dibina pada akhir tahun-tahun 1950an dan sebahagiannya dibina pada tahun 1969.

Rumah-rumah yang telah dibina pada akhir tahun-tahun 1950an mempunyai dinding rumah separuh simen dan separuh papan dan berbumbungkan aluminium. Luas ruang lantai rumah ini ialah lebih kurang 200 kaki persegi. Rumah-rumah ini hanya mempunyai sebuah bilik tidur, sebuah dapur yang kecil, sebuah bilik tetamu atau 'living room'. Tandas yang terletak di luar rumah adalah jenis 'tandas angkut'.

Sebaliknya, rumah-rumah yang dibina pada tahun 1969

mempunyai kemudahan-kemudahan yang agak baik. Dinding rumahnya adalah dibina dengan simen manakala bumbung adalah diperbuat daripada aluminium. Manakala luas ruang lantai rumah adalah lebih kurang 300 kaki persegi. Rumah-rumah ini mempunyai 2 buah bilik tidur, sebuah dapur yang kecil, sebuah bilik tetamu atau 'living room'. Tandas adalah jenis 'tandas curah' yang 'terattached' di rumah.

Secara perbandingan rumah-rumah yang dibina pada tahun 1969 lebih baik dan ia adalah memenuhi kehendak 'Akta Taraf Perumahan Minima Pekerja 1966'. Manakala rumah-rumah yang dibina pada akhir tahun-tahun 1950an tidak secocok dengan kehendak Akta Perumahan ini.

Akta Perumahan tersebut atau 'Workers Minimum Standard Housing Act 1966' mewajibkan majikan-majikan bagi membina rumah-rumah yang luas ruang lantai tidak kurang dari 260 kaki persegi bagi bilangan isirumah yang tidak melebihi daripada 5 orang dewasa. Dari kajian didapati rumah-rumah yang dibina pada akhir tahun-tahun 1950an hanya mempunyai luas kaki kurang daripada 200 kaki persegi. Rumah-rumah ini juga mempunyai hanya sebuah bilik. Ini adalah kurang selesa bagi isirumah yang mempunyai bilangan anggota yang ramai. Mengikut kajian penulis didapati bilangan purata isirumah ialah 6 orang. Jika purata ahli isirumah 6 orang bagaimana rumah ini dapat menampung ahli-ahli seramai itu. Ini mewujudkan masalah kesesakan.

28

Lagi pun, mengikut kajian SERU (1981) kriteria biasa bagi 'adequacy of living space' ialah 3 orang bagi sebuah bilik. Sekiranya, kita menggunakan kriteria ini maka rumah-rumah ini adalah kurang selesa lagi sesak. Ini telah menyebabkan responden-responden tidur di bilik tetamu atau 'living room' dan di dapur.

Responden-responden juga bersungut bahawa rumah mereka mempunyai kepincangan-kepincangan seperti bumbungnya bocor, lantainya berlubang-lubang dan sebagainya. Perumahan yang buruk ini akan mengakibatkan banyak masalah sosial yang lain. Mengikut Alvin L. Schorr (1964)<sup>29</sup>

"The following effects may spring from poor housing a perception of one's self that leads to pessimism and passivity, stress to which the individual cannot adapt, poor health, and a state of dissatisfaction, pleasure in company but not in solitude, cynicism about people and organisations, a high degree of sexual stimulation without legitimate outlet and difficulty in household management and child rearing, and relationships that tend to spread out in the neighborhood rather than deeply into the family"

Alvin L. Schorr (1971)<sup>30</sup> juga menambah,

"Housing can make a family poor by the attitudes and behaviour into which it leads them and it can keep a family poor. If we want to do away with poverty, we shall provide sufficient housing of sufficient quality so that our young people may grow up competent to deal with the world that they will know"

Jadi, perumahan yang baik adalah satu kriteria yang

penting dalam mencapai taraf hidup tinggi bagi golongan proletariat di ladang ini. Satu hal yang menarik diperhatikan oleh penulis ialah pengurus dan lain-lain kakitangan estet (misalnya H.A., kerani, 'Post Master' dan sebagainya) memiliki rumah yang besar lagi cantik dengan segala kemudahan moden. Dalam perumahan juga dapat diperhatikan 2 struktur kelas.

Dari kajian penulis juga dikenalpasti bahawa tidak seorang responden pun yang memiliki rumah sendiri. Kerajaan telah memulakan sebuah skima pemilikan rumah oleh pekerja pada tahun 1973. Di mana pihak majikan digalakkan untuk menyertai dalam skima ini (secara sukarela). Rumah-rumah ini akan dibina di atas tanah majikan dan dijual kepada pekerja-pekerjanya. Skima ini membabitkan peranan 3 pihak, yakni majikan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

#### III. Sumbangan Majikan

Secara ringkas, skima ini adalah seperti berikut:

##### i. Sumbangan Majikan<sup>31</sup>

- a. Tanah harus diberikan secara percuma
- b. \$500.00 bagi sebuah unit perlu diperuntukan bagi membangunkan tanah, yakni yuran kajian atau 'survey fees' kos infrastruktur
- c. Pembayaran \$25.00 sebulan kepada pekerja

sebagai 'allowance' perumahan sehingga pinjaman dilangsaikan.

- d. Ia perlu membina rumah-rumah dari tabung sendiri pada awalnya. Rumah-rumah perlulah jenis 'semidetached' atau rumah berkembar dengan 2 atau 3 bilik tidur, sebuah 'hall' atau bilik makan (dining room), dapur dan bilik mandi serta dengan tandas curah.

ii. Sumbangan Kerajaan Negeri

- a. Mengecualikan pembayaran pemindahan atau 'conversion fees' dan lain-lain pembayaran
- b. Menyegerakan pemerosesan permohonan bagi 'Land titles' kelulusan dan sebagainya

iii. Sumbangan Jabatan Buruh

- a. Apabila rumah telah siap, ia akan menyediakan pinjaman penuh dari 'Revolving Fund' atau 'Tabung Pusingan' yang bernilai \$10 juta (dimulakan pada tahun 1973) bagi pekerja-pekerja yang menyertai skima ini. Pembayaran balik pinjaman ini akan dibuat secara pemotongan gaji.
- b. Membantu sekiranya perlu untuk membekalkan

tenaga elektrik di bawah skima elektrik  
luarbandar.

Malangnya skima ini telah gagal. Ini kerana majikan memberi sambutan yang dingin terhadap skima ini yang menguntungkan golongan proletariat. Majikan enggan melaksanakan skima ini kerana mengikut mereka sekiranya rumah-rumah dibina dan dijual kepada pekerja maka pemilik rumah akan menetap di estet secara tetap walaupun ia tidak bekerja di estet tersebut.

Keengganan majikan sukar diterima kerana ia adalah tanggungjawab moral mereka bagi membekalkan kemudahan asas ini.

#### 4.6 Kemudahan-kemudahan Asas Yang Lain

##### 4.6.1 Air

Kemudahan air paip tidak dinikmati oleh responden-responden di ladang ini sehingga tahun 1980. Hanya pada tahun itu kemudahan paip air disediakan. Sebelum itu masyarakat ladang ini terpaksa menggunakan air hujan untuk minum, masak dan bagi kegunaan-kegunaan yang lain. Walaupun, kemudahan air paip di sediakan kini namun masalah air tidak selesai. Ini adalah kerana di ladang ini bekalan air dicatu. Air hanya dibekalkan dari pukul 6.30 pagi sampai 7.30 pagi dan kemudian dari 7.30 petang sampai 8.30 malam. Pencatuan air ini benar-benar menyusahkan para pekerja.

#### 4.6.2 Elektrik

Kemudahan elektrik ini telah disediakan lebih awal daripada kemudahan air paip. Hampir kesemua rumah responden mempunyai bekalan elektrik. Ini adalah lebih baik daripada peratusan isi rumah nasional menikmati bekalan elektrik, yakni 61%.<sup>31</sup>

Walau bagaimanapun, tenaga elektrik tidak dibekalkan sepanjang masa. Bekalan elektrik juga dicatut. Ia hanya dibekalkan dari pukul 7.00 malam sampai 12.00 malam saban hari kecuali pada hari-hari tayangan gambar Tamil yang disiarkan di televisyen. Bilamana tenaga elektrik dibekalkan lebih awal.

Dalam pada itu, bekalan elektrik bagi rumah-rumah pengurus estet, kerani dan lain-lain kakitangan bukan buruh mendapat bekalan tenaga elektrik sepanjang masa. Ini dengan jelas mencerminkan 'class bias' dan 'diskriminasi kelas' oleh majikan yang tidak adil.

#### 4.6.3 Kemudahan Pengangkutan dan Komunikasi

Di ladang ini hanya terdapat jalan-jalan raya 'laterite' yang penuh dengan debu-debu merah. Walaupun, Pulau Carey ini seluas 140 kilometer persegi namun tidak ada pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas, teksi dan sebagainya. Penghuni estet ini terpaksa menggunakan kenderaan sendiri (motorsikal atau

basikal) bagi berulangalik dari satu tempat ke tempat lain.

Bagi perjalanan ke pekan, penghuni terpaksa menggunakan perkhidmatan 'Ferry' dan 'launch' atau perahu penumpang. Akan tetapi pada bulan April tahun ini (1985) sebuah jambatan yang bernilai \$3.1 juta telah dibina yang menghubungkan Tanah Besar (Teluk Panglima Garang) dan Pulau Carey.<sup>33</sup> Pembinaan jambatan ini telah memudahkan pengangkutan ke pekan. Perkhidmatan 'Ferry' ini telah terpupsus manakala perkhidmatan 'launch' masih beroperasi di antara Pelabuhan Kelang Selatan (Pelabuhan Lama) dengan ladang Carey Barat.

Dari kajian penulis didapati responden-responden menghadapi masalah pengangkutan yang serius. Ini telah dicerminkan oleh kekerapan mereka pergi ke pekan.

Dari jadual 4.11 didapati 16% daripada responden tidak pernah ke pekan pada tahun lalu (1984). Seramai 74% daripada responden pergi ke pekan kurang dari 3 kali. Hanya 8% pernah ke pekan lebih 4 kali. Kekerapan pemergian ke pekan yang kurang adalah terutamanya disebabkan oleh masalah pengangkutan. Ramai daripada responden tidak memiliki kenderaan sendiri. Mengikut kajian penulis (rujuk jadual 3.23) hanya 44% responden memiliki motorsikal. Walaupun, 84% memiliki basikal (rujuk jadual 3.23) tetapi mereka tidak dapat menggunakan kerana jarak di antara pekan dengan Pulau Carey adalah jauh (Bandar Kelang yang terdekat

Jadual 4.11: Berapakah Saudara/i Telah Pergi Ke Pekan Pada Tahun 1984

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Tiada	8	16
Sekali	17	34
2 - 3	20	40
3 - 4	1	2
Lebih daripada 4	4	8
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

adalah lebih kurang 25 batu dari ladang Carey Barat).

#### 4.6.4 Rumah Asuhan Kanak-kanak Atau 'Nursery'

Terdapat sebuah 'nursery' di ladang ini. 'Nursery' ini ialah rumah asuhan kanak-kanak di mana ibu-ibu yang bekerja menempatkan anak-anak di sini semasa mereka bertugas.

'Nursery' yang terdapat di ladang telah disediakan oleh majikan. Terdapat seorang wanita yang menjaga seramai 15 orang kanak-kanak yang berumur di antara 6 bulan hingga 5 tahun.

Suasana di rumah asuhan ini tidak menggalakkan. Bangunannya adalah usang dibina pada tahun-tahun 1950an. Tempatnya ada

lah kotor dan ia lebih merupakan sebuah 'kandang kerbau'.

Tidak terdapat banyak alat-alat permainan. Dua orang wanita yang menjaga kanak-kanak 'di crech' ini tidak mempunyai sebarang kelayakan profesional dalam bidang pengasuhan kanak-kanak.

Jadi, suasana yang kurang menggalakkan 'di crech' ini akan memberi kesan kepada pembesaran kanak-kanak. Pembesaran kanak-kanak di antara 1 - 5 tahun adalah penting. Ini kerana masa inilah berlaku proses 'kognitif' dengan hebat. Maka kanak-kanak yang terdedah kepada unsur-unsur negatif, pasti akan mempunyai kesan yang mendalam dalam pembentukan personaliti.

Sebagai kesimpulan boleh dikatakan taraf pendidikan di kalangan responden dan anak-anak responden adalah rendah. Sistem pendidikan Tamil di estet ini adalah satu masalah besar.

Kadar kecinciran di kalangan responden dan anak-anak responden adalah tinggi. Seramai 60.5% responden lelaki dan 64.7% responden wanita tercincir dari sistem persekolahan di peringkat sekolah rendah.

Secara perbandingan, di kalangan anak-anak responden terdapat sedikit kemajuan. Seramai 40.6% berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah rendah. Seramai 6.9% ke peringkat

tingkatan 4 dan 5. Seorang di tingkatan 6 dan 2.9% mengikuti kursus di Kolej Teknik. Walau bagaimanapun, pencapaian akademik di kalangan anak-anak responden kurang memuaskan. Dalam peperiksaan penilaian 1983 hanya 7.69% sahaja lulus manakala baki 92.31% telah gagal. Penguasaan dalam Bahasa Malaysia adalah lemah. Di peringkat sekolah menengah prestasi anak-anak responden juga tidak menggalakkan. Pada tahun 1985, 46.67% gagal dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Di antara faktor-faktor utama yang menyumbangkan kepada pencapaian akademik yang rendah ialah environmen rumah, environmen sosial ladang dan sistem pendidikan Tamil.

Sistem pendidikan di ladang ini bukan sahaja membantut pencapaian mobiliti sosio-ekonomi ke atas malah ia memainkan peranan yang secocok dengan kehendak struktur sosial dan ekonomi yang wujud di ladang.

Kualiti kemudahan-kemudahan kebajikan dan sosial yang terdapat di ladang ini adalah kurang memuaskan terutamanya kemudahan kesihatan dan perumahan.

Kemudahan kesihatan adalah amat buruk sehingga sebilangan besar daripada responden-responden mendapat perkhidmatan kesihatan dari luar ladang ini. Keadaan kemudahan di sektor perladangan telah dijelaskan oleh J.E. Duckett (1985) dengan menarik sekali,

"The Malaysian Plantation Industry without any shadow of doubt whatsoever, does provide on its estates the finest health care facilities in the world - the only problem is that the facilities are provided for the CROP PLANTS!"

Majikan mempunyai tanggungjawab moral bagi menyediakan kemudahan kesihatan yang baik. Golongan proletariat di ladang ini mempunyai hak bagi keadilan sosial atau 'social justice' dan harus diberi peluang untuk membaiki taraf hidup mereka.

Masalah perumahan juga adalah masalah yang serius. Tidak seorang responden pun memiliki rumah sendiri di ladang ini, walaupun mereka bekerja bagi satu jangkamasa yang panjang. Majikan kurang minat dalam mengimplementasikan 'Skima Pemilikan Rumah Oleh Pekerja'.

Secara keseluruhan kualiti kemudahan-kemudahan sosial dan kebijakan di ladang ini kurang memuaskan.

2. Supramaniam, D. - 'Singapore: Educated sons of workers and uneducated plantation education'. *Intisari* 3(4), Singapore: Malaysian Sociological Research Institute, 1970.
10. New Straits Times, this, July 19, 1975, Kuala Lumpur, disertik dari pencara 'A General survey on Education amongst the Malaysian Indians Plantation Community', - Daniel, Rabindra, 1981, p. n. 81.
11. Dr. T. Marimuthu, Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Persekitaran Ibubapa Guru (PIA) bagi sekolah-sekolah Tamil di Melaka, pada Jun, 1981.

Notakaki

1. Mengikut 'Labour Code' (1923), majikan perlu menyediakan sebuah sekolah sekiranya terdapat lebih daripada 10 orang kanak-kanak yang cukup umur untuk bersekolah dalam sesuatu estet
2. Toh Kün Woon, rencana 'Education as a vehicle for reducing economic inequality' dalam *Ethnicity, Class and Development in Malaysia*, Syed Husin Ali, terbitan Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1984, m.s. 224.
3. Dr. T. Marimuthu, 'Education, Social Mobility and the Plantation Environment', *Journal Pendidikan*, Vol. 2, Ogos 1971, m.s. 9
4. J. Rabindra Daniel, rencana 'A General Survey On Education amongst the Malaysian Indian Plantation Community', *Malaysia in History*, No. 24, 1981, m.s. 88
5. K. Jain, 'South Indians in the Plantation Frontier', University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, m.s. 140
6. Daniel J. Rabindra op. cit. m.s. 88
7. Clad, James rencana, 'The Other Malaysian' *Far Eastern Economic Review*, 26hb. Julai, 1984, m.s. 28
8. Dr. T. Marimuthu, rencana, 'Schooling as a dead end: Education for the Poor especially the Estate Children' dalam *Ethnicity, Class and Development in Malaysia*, Syed Husin Ali, terbitan Persatuan Sains Malaysia, 1984, m.s. 265.
9. Subramaniam P. - 'Pioneers: Educated sons of workers must revolutionize plantation education' *Intisari* 3(4), Singapore: Malaysian Sociological Research Institute, 1970
10. New Straits Times, 9hb. Julai, 1975, Kuala Lumpur, dipetik dari rencana 'A General Survey on Education amongst the Malaysians Indians Plantation Community; - Daniel, Rabindra, 1981, m.s. 91
11. Dr. T. Marimuthu, Kertaskerja yang dibentangkan di Seminar Persatuan Ibubapa Guru (PIA) bagi sekolah-sekolah Tamil di Melaka, pada Jun, 1981

12. N.J. Colleta, 'Malaysians Forgotten People: Education, Cultural Identity and Socio-Economic Mobility among South Indian Plantation Workers; Contributions to Asian Studies, Vol. VII, (Jan. 1975), State University of New York, Buffalo, m.s. 103.
13. Muhd. Kaddyran Haji Abdul Salam, 'Satu Kajian Mengenai Masalah Pencapaian Pelajar-Pelajar Bukan Bumiputera di Sekolah Menengah Kebangsaan; M. Ed. Dissertation (unpublished) 1978
14. N.J. Colleta, op. cit. m.s. 108
15. Kementerian Tenaga Buruh, Laporan Buruh 1983/84, (Kuala Lumpur) m.s. 155
16. Alber Schaffer, Ruth C. Schaffer, Gladys L. Ahrenholz and Charles, Understanding Social Problems, E. Meril Pub. Co., 1970, m.s. 241 - 261
17. Daniel J. Rabindra, op. cit. m.s. 89
18. This concept of cultural capital was first developed by P. Bourdieu and J.C. Passeron in their book Reproduction in Education, Culture and Society, Sage, London 1977, which is the ethos or the habitus of the dominant culture. The children from dominant class families are able to transform the cultural capital into scholastic capital with the help of the school, thus masking the class character. A.H. Halsey, A. Heath and J.M. Ridge in their Origins and Destinations: Family, Class and Education in Modern Britain, Clarendon Press Oxford, 1980 have used parents' educational background as the proxy for cultural capital of the home.
19. J. Sarjit Singh, 'Education, Social Origins and Social Mobility in Petaling Jaya, Malaysia, in Journal of Educational Research, Vol. VIII, Faculty of Education, University of Malaya 1977.
20. Murad bin Mohd. Noor, The Drop-out Report, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1973
21. David P. Ansubel, "Effects of Cultural Deprivation of Learning Pattern in Education and Social Change" ed. by E.T. Keach Jr. R.
22. Murad bin Mohd. Nor Op.Cit. (1973),

23. Malimau, J.R., 'Some Aspects of the Education of Plantation Workers' Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1972
24. Umadevi S., Business Times, 'Tamil Children trapped in handicapped Schools' 8th Ogos, 1980
25. R.A. Ellis dan W.C. Lane 'Structural Supports for upward mobility' American Sociological Review, Vol. 28, 1963
26. Dr. B. Jagdev Singh - The Planter - 'Management of Health on Estates' Vol. 61, No. 711, June, 1985 m.s. 429
27. Eddy Lo, 'Epidemiology of Endemic Disease in the Plantation in Malaysia; , The Family Practitioner (Kuala Lumpur 1982), Vol. 5, No. 3 m.s. 7 - 11 dalam rencana Daniel J. Rabindra bertajuk 'Poverty Among The Malaysian Indians Plantation Community' Journal Pengajian India, Vol. 1, 1983 m.s. 125 - 142
28. Socio-Economic Research Unit (SERU), ' Kajian Socio-Economik pekerja--pekerja estet getah' tahun 1981 Jabatan Perdana Menteri, 1981 m.s. 49
29. Schoorr, A.L. "SLUMS AND SOCIAL INSECURITY", LONDON, NELSON 1964, m.s. 20-21
30. Schorr Alvin L. 'Housing Policy and Poverty' Concept of Poverty - Peter Townsend (1971), Heinemann Educational Books, London, m.s. 123
31. Kementerian Buruh, 'Laporan Buruh'1981/82 m.s. 163
32. Kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-80 Kementerian Kewangan, m.s. 184
33. Harrisons Malaysia Plantations Berhad, Laporan Tahunan 1985, m.s. 7
34. J.E. Duckett, 'The Planter" Contribution to Helath Care on Estates in Malaysia "What do we have and where do we go" Vol. 61, No. 711, June 1985, m.s. 285.



Foto 3 - Seribu harapan! Apakah akan tercapai?



Foto 4 - Perpustakaan yang kononnya menjadi gedung ilmu pengetahuan!



Foto 5 - Apakah majalah-majalah ini sumber pengetahuan?



Foto 6 - Apakah buku-buku ini bermutu?

## BAB V

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Tujuan asas kajian ini adalah bagi mengenalpasti masalah masalah sosio-ekonomi yang dialami oleh masyarakat di ladang Carey Barat. Masalah-masalah ini telahpun dikupas dan dianalisiskan dalam bab-bab keempat dan kelima.

Dalam bab yang akhir ini, suatu kesimpulan dan penilaian yang ringkas akan dibuat tentang masalah-masalah tersebut. Di samping itu, beberapa saranan akan dibuat untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan proletariat dalam sektor perladangan di Malaysia.

Dari kajian dapat disimpulkan bahawa masyarakat ladang India di Carey Barat menghadapi berbagai masalah sosio-ekonomi. Masalah-masalahnya merangkumi aspek-aspek pendapatan, pekerjaan, hutang, kekurangan simpanan, pemilikan harta, masalah pendidikan serta masalah kemudahan-kemudahan sosial.

Masalah pendapatan adalah satu masalah yang utama di ladang ini. Ia dapat dilihat dari 2 sudut, yakni pendapatan yang rendah dan gaji harian yang tidak tetap. Pendapatan purata bulanan ketua isirumah ialah sebanyak \$180.78 sen dengan pendapatan sebenar

adalah berbeza mengikut jenis kerja yang dilakukan. Manakala pendapatan purata isirumahnya ialah \$346.56 sen bagi bilangan isirumah seramai 6 orang. Ini adalah lebih rendah berbanding dengan pendapatan purata sebenar bulanan nasional yang berjumlah \$417.00 bagi isirumah 5 orang. Pendapatan per kapita responden pula ialah \$59.75 sen. Pendapatan per kapita ini adalah jauh lebih rendah daripada pendapatan per kapita Semenanjung Malaysia, yakni \$128.00 sebulan.

Pendapatan yang rendah ini telah menjaskan taraf hidup golongan buruh di ladang ini. Sekiranya, kita menggunakan garis kemiskinan SERU (1983) iaitu \$384.00<sup>1</sup> bagi isirumah seramai 5 orang sebagai ukuran mutlak kemiskinan, maka sebilangan besar daripada responden-responden ini termasuk dalam kumpulan kemiskinan.

Keengganan majikan bagi memberi gaji yang lebih tinggi di sektor perladangan menyarankan suatu dasar sengaja yang meneruskan dasar buruh murah kolonial atau 'Colonial Cheap Labour Policy' yang mengekalkan kemiskinan di ladang Carey ini dan di sektor perladangan di Malaysia.

Dua isu yang wujud di sektor perladangan boleh membuktikan dasar yang menindas ini. Pertama, walaupun terdapat kekurangan tenaga buruh di sektor perladangan namun majikan tidak berikhtiar untuk menaikkan gaji. Kenaikan gaji dapat mengekalkan pekerja-

pekerja yang sedia ada dan juga akan menggalakkan aliran tenaga buruh dari sektor-sektor lain kepada satu takat yang besar. Ini tidak dilakukan oleh majikan. Sebaliknya, mereka telah mengerjakan pendatang-pendatang haram Indonesia dengan gaji yang lebih rendah. Ini adalah suatu taktik kapitalis di mana mereka dapat mengeksplotasikan buruh-buruh haram ini kerana mereka tidak perlu memenuhi keperluan-keperluan Akta Pekerjaan 1955.

Kedua, menurut kajian James Nayagam dan Abdullah Sapien (1981)<sup>2</sup> kenaikan daya pengeluaran buruh ladang adalah agak tinggi di antara tahun-tahun 1960 dan 1981, di mana keluaran setiap pekerja telah meningkat sebanyak 2.25 kali lebih tinggi. Manakala kenaikan gaji dari \$3.60 sen kepada (iaitu kenaikan 19.4%) \$4.30 sen di antara tahun-tahun 1976 dan 1980 telah diserapkan oleh inflasi. Ini kerana index rasmi kos kehidupan telah bertambah kepada 21.5% dalam tempoh yang sama. Oleh yang demikian, pendapatan benar pekerja telah menurun.

Jadi, yang menikmati faedah kenaikan daya pengeluaran yang besar ini, bukanlah golongan proletariat tetapi oleh kapitalis kapitalis asing dan golongan bourjuis (bourgeois) tempatan.

Kajian Institut Penyelidikan Getah membuktikan kenyataan ini.<sup>3</sup>

Pendapatan yang rendah ini telah diburukkan lagi oleh gaji harian yang diterima oleh pekerja-pekerja estet. Sistem gaji

harian ini adalah tidak tetap lagi merugikan.

Dalam sistem gaji tersebut seseorang buruh tidak dapat memastikan jumlah pendapatan sebenar bulanan kerana hari bekerja adalah tidak menentu. Ia bergantung kepada keadaan iklim. Walau pun, buruh tidak dapat bekerja atas sebab-sebab di luar kawalan mereka (misalnya, kerana cuaca buruk) namun mereka tidak dibayar gaji.

Gaji golongan buruh yang terikat terus kepada harga pasaran minyak kelapa sawit yang mempunyai kadar pasang surut yang tinggi juga menjelaskan pendapatan mereka yang sedia rendah.

Di bawah struktur gaji ini risiko pelaburan pengusaha ditanggung oleh buruh. Ini menghairankan kerana pada lazimnya pemegang saham dan pelaburlah yang sepatutnya menanggung risiko dalam sistem ekonomi 'laissez faire'. Apa yang amat mengecewakan ialah keadaan ini hanya berlaku dalam sistem ekonomi perladangan tetapi dalam industri-industri lain perkara ini jarang berlaku. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja bukan buruh di sektor ini tidak tertakluk kepada struktur gaji harian. Ini adalah suatu contoh baik yang menunjukkan dengan ketara penindasan kelas bawahan oleh kelas atasan di industri intensif buruh ini.

Kesemua responden di ladang ini bekerja sebagai buruh dalam sistem pekerjaan yang berbentuk hiraki. Di mana sebahagian kecil pengusaha mengerjakan sebahagian besar golongan buruh yang menjualkan

tenaga fizikal mereka untuk memperolehi upah. Struktur pekerjaan yang memeras dan menindas ini telah mewujudkan beberapa masalah yang serius di ladang ini.

Struktur pekerjaan 'piramid' ini kurang menggalakkan pencapaian mobiliti pekerjaan ke atas. Ini telah dibuktikan oleh penulis dalam bab yang lebih awal, di mana ramai daripada responden melakukan pekerjaan yang sama bagi suatu tempoh masa yang agak panjang. Walaupun, terdapat anak-anak responden yang mencapai mobiliti ke atas dengan memperolehi pendidikan yang lebih tinggi namun dalam realiti struktur pekerjaan di ladang ini tidak wujud banyak skop untuk naik ke atas.

Mobiliti mendatar di kalangan responden-responden amat kurang. Walaupun, dari kajian penulis didapati 90% daripada responden tidak berpuashati dengan pekerjaan yang mereka lakukan namun mereka tidak dapat menukar pekerjaan. Ini mungkin disebabkan oleh tidak ada pekerjaan alternatif yang sesuai, taraf pekerjaan rendah dan masalah pengangkutan tempatan.

Pekerja-pekerja di ladang ini juga kurang melakukan kerja-kerja sambilan yang mempunyai nilai-nilai ekonomi. Daripada kajian didapati hanya seorang daripada 50 orang responden melakukan kegiatan-kegiatan yang berunsurkan ekonomi. Ini disebabkan oleh peluang-peluang pekerjaan sambilan (secondary occupation) yang

terhad di ladang dan ladang ini juga terputus dari pusat-pusat bandar di mana berlaku kegiatan-kegiatan ekonomi yang utama. Maka golongan buruh ladang ini tidak dapat melakukan sebarang pekerjaan-pekerjaan sambilan. Mereka juga tidak dapat berkecimpung dalam perniagaan kecil seperti membuka kedai runcit atau kedai membaiki motorsikal, dan sebagainya kerana kekurangan modal. Kegiatan membela ayam, itik atau menternak lembu atau kambing secara komersial tidak dibenarkan oleh majikan. Jadi, responden-responden tidak dapat memperolehi pendapatan tambahan atau 'supplementary income'. Ini bukan kerana kekurangan inisiatif sendiri tetapi oleh halangan-halangan seperti yang telah dibincangkan di atas.

Pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan oleh responden-responden juga mendedahkan mereka kepada bahaya kesihatan dan keselamatan. Walaupun, pengkaji tidak mempunyai data-data yang jitu namun dari pemerhatian dan temubual dengan pegawai-pegawai NUPW dan pekerja-pekerja ladang didapati pekerja-pekerja menghadapi masalah keselamatan dan kesihatan yang serius.

Pekerja-pekerja wanita yang biasanya melakukan kerja-kerja semburan racun rumput-rampai dan racun perosak makluk terdedah kepada bahaya racun ini. Pemetik buah atau 'harvester' juga terdedah kepada bahaya dihempap pelepah pokok kelapa sawit dan bahaya ditikam duri buah kelapa di tangan, kaki dan badan.

Pihak majikan gagal dalam menyediakan alat-alat pelindung seperti topeng muka, sarung tangan, kasut atau alat pernafasan dan pekerja juga tidak diberi latihan atau penerangan terutama cara mengendalikan penggunaan bahan kimia yang bahaya.

Pekerja-pekerja juga pernah mengalami beberapa kecederaan yang serius semasa bekerja. Terdapat pekerja yang hilang penglihatan, kabur pemandangan, diserang sakit kulit, tercabut kuku tangan dan sebagainya akibat penyalahgunaan racun.

Golongan pekerja yang 'jahil' tentang bahaya bahan kimia yang beracun ini ditindas sehingga mereka terpaksa menanggung kecacatan pancaindera samada kekal atau sementara. Di suatu pihak yang lain majikan hanya mementingkan pengautan keuntungan.

Selain daripada soal keselamatan pekerjaan, responden-responden juga mengalami masalah hutang. Terdapat seramai 64% daripada responden mengalami hutang. Peratusan hutang yang tinggi ini mencerminkan kekurangan pendapatan responden di samping faktor-faktor lain. Kajian pengkaji menunjukkan 80% daripada responden membelanjakan lebih daripada pendapatan bulanan mereka. Jadi, ini adalah faktor utama yang mengakibatkan kadar hutang yang tinggi kerana responden terpaksa meminjam untuk menampung perbelanjaan yang berlebihan.

Sikap menyimpan atau menabung di kalangan responden

juga kurang menggalakkan. Didapati 74% daripada responden tidak mempunyai sebarang jenis simpanan. Sebenarnya, kekurangan simpanan ini bukan kerana sikap negatif responden terhadap masa depan mereka. Sebenarnya apakah yang ada untuk disimpan?

Masalah sosial yang utama di ladang ini ialah masalah pendidikan dan kemudahan asas.

Sistem pendidikan Tamil yang menjadi sistem pendidikan utama di ladang ini kurang membantu atau boleh dikatakan menghalang dalam mencapai mobiliti sosial ke atas.

Dari kajian penulis didapati 27.3% daripada responden lelaki dan 35.3% daripada responden wanita tidak pernah menjelak kaki ke dalam sistem persekolahan formal. Manakala, 60.5% daripada responden lelaki dan 64.7% daripada responden wanita hanya telah menerima pendidikan setakat sekolah rendah. Terdapat perhubungan yang kuat di antara taraf pendidikan dengan taraf pekerjaan di ladang ini. Responden-responden yang kesemuanya golongan buruh mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Walau bagaimanapun, taraf pendidikan sahaja bukanlah faktor mutlak dalam menentukan taraf pekerjaan kerana struktur pekerjaan dan sistem ekonomi adalah menjadi penentu yang kuat. Ini adalah amat benar di Malaysia di mana bagi setiap 14 buruh hanya seorang boleh menjadi profesional.<sup>4</sup>

Di kalangan anak-anak responden terdapat sedikit kemajuan

dalam taraf pendidikan berbanding dengan responden. Akan tetapi pencapaian akademik tidaklah dapat dibanggakan. Ini kerana prestasi mereka dalam peperiksaan penilaian darjah 5 (1983) amat mengecewakan. Dalam peperiksaan penilaian tersebut didapati seramai 92.31% calon-calon telah gagal manakala hanya segelintir kecil iaitu 7.69% sahaja lulus. Pencapaian murid-murid pekerja yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (SRP) juga tidak menggalakkan. Seramai 46.67% gagal dalam peperiksaan tersebut.

Anak-anak kelas pekerja ini yang tercicir dari sistem persekolahan akan memasuki sistem pekerjaan buruh di estet. Ini akan melemahkan mobiliti sosio-ekonomi dan menyebabkan generasi demi generasi golongan pekerja estet ini terjebak dan tersekat di sektor perladangan dalam satu lingkaran kemiskinan yang memberi sedikit harapan untuk melepaskan diri. Penulis telah mengenalpasti beberapa faktor yang telah menyumbangkan kepada pencapaian akademik yang rendah oleh anak-anak responden. Di antara faktor-faktornya ialah masalah environmen rumah, environmen ladang dan sistem pendidikan Tamil.

Kajian penulis membuktikan environmen rumah adalah tidak sesuai atau kurang 'conducive' bagi pembelajaran. Kemudahan-kemudahan asas pelajaran seperti 'study table', 'study lamp' dan sebagainya tidak terdapat di rumah. 'Cultural Capital' di rumah juga adalah rendah. Responden-responden yang kesemuanya terdiri dari

golongan buruh mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Maka mereka tidak dapat memberikan rangsangan intelektual kepada anak-anak mereka yang sedang bersekolah. Lagipun, tidak terdapat buku-buku, majalah-majalah atau suratkhabar-suratkhabar di rumah. Maka ini tidak menggalakkan 'iklim pelajaran' atau 'educational climate' yang baik di rumah. Ini telah mencetuskan kesan negatif kepada aspirasi dan motivasi anak-anak responden yang seterusnya mengakibatkan prestasi yang rendah dalam akademik.

Terdapat juga korrelasi yang kuat di antara environment sosial ladang dengan pencapaian akademik murid-murid estet ini.

Environmen sosial ladang didapati membosankan atau 'monotonous'. Tidak mempunyai perpustakaan awam, bilik bacaan, kemudahan-kemudahan riadah atau lain-lain kemudahan. 'Kumpulan-kumpulan Peer' di ladang ini yang sebilangan besarnya tercicir dari sistem persekolahan juga memberi rangsangan yang negatif kepada murid-murid sekolah.

Selain daripada itu, sistem pendidikan Tamil di ladang ini juga menjelaskan pencapaian akademik anak-anak responden. Pencapaian mereka dalam matapelajaran Bahasa Malaysia (7.69% lulus pada tahun 1983) boleh dijadikan kayu ukuran kepada keberkesanan sistem persekolahan Tamil. Penguasaan yang lemah dalam Bahasa Malaysia yang menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan nasional akan nescaya menjelaskan pencapaian akademik

anak-anak responden. Banyak kajian-kajian terdahulu dari ini telah membuktikan hakikat ini. Mengikut N.J. Colleta,<sup>5</sup>

"Those who are in Tamil school are at a disadvantage when they go to secondary school with regards to language (Bahasa Malaysia). They have to spend a year in remove class just to make up and then they still are at the bottom in their examination and throughout their future education"

Sekolah Tamil ini boleh dikatakan telah gagal dalam mengubah struktur ekonomi dan sosial ladang Pulau Carey Barat ini. Sebaliknya, ia memainkan peranan secocok dengan kehendak struktur ekonomi dan sosial ladang, yakni sebagai pembekal buruh-buruh yang murah dan tidak mahir.

Jadi, perhubungan status sosio-ekonomi yang rendah dan persekolahan Vernakular Tamil saling kukuh-memperkuhi dalam suatu lingkaran kemiskinan atau 'vicious cycle' yang memberikan harapan yang sedikit kepada anak-anak responden bagi melepas dari kongkongan tersebut.

Kemudahan-kemudahan asas di ladang ini kurang memuaskan. Rumah-rumah responden didapati tidak selesa lagi sesak. Kesesakan merupakan perkara biasa di rumah estet ini. Ini kerana luas ruang lantai rumah adalah kecil dan tidak memerlukan kehendak Akta Taraf Perumahan Minima Pekerja 1966 yang menetapkan ruang minima rumah untuk satu isirumah 5 orang ialah seluas 260 kaki

persegi. Tidak seorang pekerja pun memiliki rumah sendiri di estet ini. Walaupun, kerajaan telah memulakan Skima Pemilikan Rumah Pekerja pada tahun 1973 namun majikan di estet ini tidak mengambil sedikit inisiatif pun untuk mengamalkannya.

Kemudahan elektrik dan air yang hanya disediakan pada tahun 1980, dicatu. Ini amat menyusahkan pengguna-pengguna kemudahan tersebut.

Perkhidmatan kesihatan juga menjadi suatu masalah di ladang ini. Hospital Kumpulan estet ini dikendalikan oleh pembantu hospital yang kurang layak. Mereka didapati menjalankan tugas-tugas seorang doktor yang sebenarnya bercanggah dengan Akta Perubatan 1971. Hospital Kumpulan ini yang tidak didaftar di bawah Akta Hospital 1971 dan Peraturan Hospital Swasta 1973 tidak menyediakan alat-alat perubatan yang moden. Ubat-ubat yang diberikan juga tidak bermutu (pengaduan responden). Akibatnya, sebilangan besar responden memulaukan hospital estet dan sebaliknya mendapat rawatan dari Hospital Besar di Kelang.

Selain daripada itu, rumah asuhan kanak-kanak pekerja estet juga tidak diuruskan dengan baik. Suasana di rumah asuhan (yang lebih berupa sebuah kandang kerbau!) adalah amat buruk. Di rumah asuhan ini tidak berlaku proses sosialisasi yang baik kerana pengasuh bukanlah seorang ahli profesional lagi pun ia

terpaksa mengasuh ramai anak. Anak-anak yang membesar di sini akan membentuk personaliti yang lemah dan menjadi kurang cerdas akibat proses sosialisasi yang lemah dan negatif ini.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa masalah sosio-ekonomi golongan buruh di Ladang Carey Barat ini cukup serius. Walaupun, sektor perladangan ini menyumbangkan dengan banyak kepada kekayaan negara namun golongan proletariat tidak menikmati hasil titik peluh mereka. Kekayaan estet adalah dicipta oleh buruh kerana tanpa buruh estet-estet tidak mempunyai apa-apa nilai. Apabila buruh bekerja, nilai premium \$1.00 seekor akan menjadi \$10,000. Jadi, keuntungan adalah hak golongan proletariat. Malangnya di negara kita, di mana 'modal' menjadi lebih penting dari 'buruh', golongan proletariat bukan sahaja tidak menikmati hasil titik peluh mereka malah mereka dieksplotasi sehingga terjerumus dalam kemiskinan. Apa yang amat menyedihkan lagi ialah kemelaratan hidup mereka ini bukanlah satu fenomena sementara tetapi akan kekal selagi struktur ekonomi kapitalis yang ada sekarang terus dikekalkan.

## 5.2 Cadangan-candangan

Di sini beberapa cadangan dikemukakan yang mungkin dapat memberi suatu penyelesaian bukan sahaja kepada golongan buruh di estet Carey Barat bahkan bagi golongan buruh di seluruh sektor perladangan.

### 5.2.1 Cadangan-cadangan jangkamasa pendek

- i. Perlu diwujudkan satu program yang komprehensif bagi membaiki dan memajukan kemudahan-kemudahan sosial dan kebajikan
  - a. Menyediakan kemudahan elektrik dan air paip sepanjang masa
  - b. Menyediakan pengangkutan awam dan membaiki jalan-jalanraya di estet
  - c. Mendirikan kemudahan-kemudahan Perpustakaan, Dewan Orang Ramai, rumah asuhan kanak-kanak, kemudahan-kemudahan riadah dan sukan
  - d. Melaksanakan 'Skima Pemilikan Perumahan Pekerja' dengan bersungguh-sungguh supaya pekerja dapat memiliki rumah sendiri
  - e. Kerajaan harus mengambil alih hospital-hospital kumpulan estet dan mencukaikan majikan bagi kos penyediaan kemudahan dan perkhidmatan hospital. Hospital-hospital ini perlu ditingkatkan tarafnya sejajar dengan hospital-hospital kerajaan moden.
- ii. Struktur gaji perlu diubah
  - a. Kadar gaji haruslah ditelitikan supaya inflasi

tidak akan mengurangkan pendapatan sebenar buruh.

- b. Gaji harian perlu dihapuskan dan diganti dengan gaji bulanan bagi semua kategori pekerja di ladang.
- c. Gaji buruh tidak harus terikat kepada harga pasaran komoditi. Mereka harus diberi gaji berdasarkan kepada daya produktiviti, pengalaman bekerja dan kamahiran yang dimiliki.
- d. Gaji minima harus diwujudkan berdasarkan kos kehidupan semasa.

iii. Program-program pendidikan yang lebih baik perlu diwujudkan

- a. Sekolah-sekolah teknikal dan vokesyenal perlu diwujudkan di sektor perladangan untuk menampung murid-murid yang tercicir dari sistem pendidikan akademik. Mereka ini perlu dilatih dalam bidang-bidang teknikal seperti membaiki radio, TV, motorsikal, kejuruteraan elektrikal, elektronik, mekanikal dan sebagainya. Dengan ini mereka dapat memiliki kemahiran dan melepaskan diri mereka dari sistem perburuhan estet dan sekaligus dari kongkongan kemiskinan estet.

b. Sistem persekolahan Tamil perlu diubahsuai dan diperkemaskan. Di samping membaiki kemudahan-kemudahan fizikal perhatian yang lebih juga perlu diberikan kepada kandungan sukanan pelajaran. Adalah dicadangkan lebih banyak masa diperuntukan bagi mata-pelajaran Bahasa Malaysia. Adalah juga disyorkan semua matapelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia melainkan Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris. Ini akan membantu murid-murid estet menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Ini seterusnya akan membolehkan pencapaian yang tinggi dalam akademik di peringkat sekolah tinggi. Program yang sistematis harus diperkenalkan untuk meninggikan kelayakan akademik dan profesional guru-guru sekolah Tamil.

iv. Program-program perlu disediakan untuk membolehkan penduduk estet menceburkan diri dalam perniagaan.

a. Kegiatan-kegiatan membela ayam, itik atau menternak lembu, kambing dan ikan air tawar secara komersial perlu digalakkan dengan memberi pinjaman modal dengan kadar faedah

yang rendah dan bayaran balik jangka panjang serta bantuan-bantuan teknikal dan pengurusan

- b. Perlu mengembeling tenaga penduduk-penduduk di estet-estet dalam konsep syarikat-syarikat ko-operatif. Pembentukan ko-operatif akan menguntungkan masyarakat dan akan menjalin perpaduan yang kuat di antara mereka. Ko-operatif ini perlu mendirikan kedai-kedai runcit dan kedai-kedai yang menjual barang pengguna. Kegiatan ko-operatif juga di perluaskan untuk melabur dalam pasaran saham

#### 5.2.2 Cadangan-cadangan jangkamasa panjang

- i. Struktur ekonomi kapitalis yang ada sekarang perlu diubah dan diganti dengan suatu sistem yang menguntungkan golongan proletariat

Sistem baru itu harus mempunyai satu mode pengeluaran yang mempunyai nilai-nilai sosial yang tinggi. Kemungkinan membasmikan kemiskinan pada masa hadapan adalah tipis sekali selagi sistem ekonomi bebas diteruskan juga. Sistem ini mengandungi unsur-unsur persaingan tidak adil dan penindasan zalim, yang akan hanya mengakibatkan beban berat ke atas semua rakyat miskin. Ia juga akan melebarkan perbezaan kelas-kelas ekonomi sehingga segolongan

kecil sahaja yang dapat menikmati kemajuan serta kesenangan hidup. Jadi, adalah nyata pembasmian kemiskinan cuma akan dapat dicapai dengan perombakan susunan ekonomi yang ada sekarang.

ii. Pekerja-pekerja harus digalakkan memiliki saham-saham dalam syarikat yang menguruskan estet.

Pada akhirnya, estet-estet harus dimiliki dan diuruskan oleh pekerja-pekerja sendiri dengan kerajaan bertindak sebagai 'pemegang amanah'. Golongan pekerja perlu diberi peluang untuk menentukan bagaimana, pengeluaran harus diselanggarakan dan berapa banyak harus diperuntukan sebagai gaji dan berapa banyak untuk dilabur semula. Konsep ini dipraktikan di negara-negara maju seperti Sweden dan Norway.

Sebagai kata akhir, dalam kajian kes ini terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan disebabkan kesuntukan masa membuat kajian lapangan dan masalah kewangan. Kajian ini akan menjadi lebih sempurna sekiranya;

- i. Kajian lapangan ini dibuat bagi suatu jangkamapanjang
- ii. Kajian ini merangkumi aspek-aspek sosio-ekonomi lain yang berkaitan supaya dapat suatu gambaran yang lebih jelas
- iii. Kutipan data-data yang mencukupi lagi menyeluruh

Notakaki

1. Kajian SERU (1983)
2. James Nayagam dan Abdullah bin Sapien, "Labour Situation in Rubber Estates and Smallholdings", Jabatan Perangkaan, Kuala Lumpur, Sept. 1981
3. Ariffin bin Mohd. Nor dan James Nayagam "Incentive Wage Concept: Alternative Strategy for Land Development Schemes" Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Okt. 1983
4. Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 85), Percetakan Negara, Jadual 9.6.
5. N.J. Colleta Op. Cit. m.s. 103

## BIBLIOGRAFI

### A. Teks Rujukan

1. Alvin L. Schorr "Housing Policy and Poverty", London, 1970.
2. David P. Ansubel "Effects of Cultural Deprivation of Learning Pattern in Education and Social Change" ed. by E.T. Keach Jr. R. Fulton E.W. Gardner (John Wiley and Sons Inc. New York)
3. Gunawan, Basuki and Rebeendrum Raghavan "The Plight of the Plantation Workers in West Malaysia with Special Reference to Indian Labour", Antropologisch - Sociologisch Centrum, Universteit Van Amsterdam, 1977
4. Gordon, S. "The Condition of Our Plantation Workers", Singapore, 19870
5. Ishak Shari & Jomo Kwame Sundram "Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan", terbitan INSAN, Petaling Jaya, 1984
6. \_\_\_\_\_ "Income Distribution and the States in Peninsular Malaysia" dalam H. Osman, Jomo. K.S. and Ishak Shari (Eds.), Development in the Eighties With Special Emphasis on Malaysia, UKM, Bangi, Selangor. 1981.
7. Jain R.K "South Indians on the Plantation Frontier in Malaya", Kuala Lumpur, University of Malaya, 1970
8. Peter Townsend "The Meaning of Poverty and the Concept of Poverty", Theories and Policies, New York, 1977
9. Sellitz, Clare "Research Method in Social Relations" Holt, Reinhart and Winaton, New York, 1959.

10. Syed Husin Ali  
"Ethnicity, Class and Development in Malaysia", terbitan Persatuan Sains Social Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984
11. \_\_\_\_\_  
"Orang Melayu: Masalah dan Masa Depannya", Kuala Lumpur, 1979
12. Stenson, Michael  
"Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case", University of British Columbia Press, Vancouver, 1980
13. \_\_\_\_\_  
"Industrial Conflict in Malaya", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970
14. Selvaratnem V.  
"Indian Plantation Workers in West Malaysia", Madras, 1971
15. Tinker, Hugh  
"A New System of Slavery" London, Oxford University Press, 1974
16. Tan Tat Wai  
"Income Distribution and Determination in West Malaysia", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982
17. Young, Pauline  
"Scientific Social Surveys and Research" 4th Ed., Prentice Hall, Eaglewood Cliffs, New Jersey, 1966

B. Latihan Ilmiah

1. Chaiku M. Said Amat "Socio-Economic Problems of the Plantation Workers: A Case Study", Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1972
2. Dass, D.S. "Tamil Education in West Malaysia and Singapore, 1960 - 1970", M. Ed. thesis, University of Malaya, 1972
3. Daniel, J.R. "A Socio-Economic Study of the Indians in the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Selangor", M.A. thesis, University of Malaya, 1978
4. Kandiah, Krishnamoorthy "Youth in a Plantation - A Case Study of Ladang, Getah, Tanah Getah, Klang", Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1971/72
5. Lim Ah Bee "Income and Expenditure Patterns of Malaysian Indian Rubber Tapper Households", Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1978/79
6. Muhd. Kaddyran Hj. Abdul Salam "Satu Kajian Mengenai Masalah Pencapaian Pelajar-pelajar Bukan Bumiputera di Sekolah Menengah Kebangsaan", M. Ed. Dissertation, University of Malaya, 1978
7. Malimau, J.R. "Some Aspects of the Education of Plantation Workers", Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1972
8. Ng Choon Teong "A Case study of Indian Plantation Workers in a West Malaysian Estate", Academic Exercise, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, 1970

9. Rajan Karupiah  
"Kemiskinan Luar Bandar: Fokus Pekerja Ladang, Satu Kajian Kes di Ladang Tahan Bidor, Bidor, Perak," Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1984/85
10. Senan, C.P.  
"A Study of the Health Status of an Estate Tamil Community", Masters in Public Health, University of Malaya, 1979/80

## JOURNALS

1. Chandrasegaran dan Marimuthu "An Inquiry Into the State of Food, nutrition and Health in Plantation" Medical Journal of Malaysia, Vol. 34
2. Colleta, N.J. "Malaysian Forgotten People: Education, Cultural Identity and Socio-Economic Mobility Among South Indian Plantation Workers", Contributions to Asian Studies Vol. VII, Jan. 1975
3. Chen, S.T. "Comparative growth of Malay, Chinese and Indian School Children in Malaysia" Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health, Vol. 7, No.3, 1976
4. Daniel, J.R. "A General Survey on Education Amongst The Malaysian Indian Plantation Community" Malaysia in History, 1981
5. Jagdev Singh "Management of Health on Estates" Planter. Vol. 61, No. 711. Jun 1985
6. Kandiah, Marnalini "A review of the nutritional status of the Indian community in Peninsular Malaysia" The Family Practitioner, Vol. 5, No. 3, 1982
7. Marimuthu, T. "Education Social Mobility and Plantation Environment: A Proposal for Inquiry" Journal Pendidikan, Vol. 2 1971
8. \_\_\_\_\_ Malaysian Indians and Higher Education, MIC Cenderamata, 1976.
9. Subramaniam, P. "Pioneers: Educated Sons of Workers must revolutionise Plantation Education" Intisari, Vol. 3, No. 4, 1970

TERBITAN KERAJAAN DAN INDEKS PERSIDANGAN

1. Rancangan Malaysia Keempat (1981-85)
2. Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Keempat (1981-85)
3. Dr. D. Jayakumar, "Modenisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa Malaysia", (Social Science, Association, U.M. 1983)
4. Kementerian Pelajaran- Laporan Murad, Kuala Lumpur 1973
5. Kementerian Kewangan - Laporan Ekonomi 1982/83
6. \_\_\_\_\_ - Laporan Ekonomi 1983/84
7. Kementerian Buruh - Laporan Buruh 1981/82
8. \_\_\_\_\_ - Laporan Buruh 1983/84
9. \_\_\_\_\_ - Labour Indicators, Kuala Lumpur, 1980
10. Jabatan Perdana Menteri - Laporan SERU, Kuala Lumpur, April 1981

## LAIN-LAIN TERBITAN DAN ARTIKEL SERTA LAPORAN

1. New Straits Times                          "The green ghetto" 14hb. Feb. 1982
2. \_\_\_\_\_                                        "Declining standard of Schools Cause concern" 25hb. Disember, 1982
3. \_\_\_\_\_                                         "MIC Calls for Review of Tamil Schools" 5hb. Julai 1982
4. Tamil Nesan                                 "Pencapaian dalam Peperiksaan Darjah 5 (1985) tidak memuaskan" (di terjemahan dari Tamil), 2hb. Jun 1985
5. Malaysian Business                         "Tamil Children Trapped In 'Handicapped Schools'" 8hb. Ogos, 1980
6. \_\_\_\_\_                                         "Malaysian Indians: Where do they stand", 16hb. Ogos, 1985
7. Far Eastern Economic Review                "The other Malaysian" 26hb. Julai, 1984
8. Laporan Tahunan Pengurus (1983, 1984 dan 1985)                                 Harrisons Malaysia Plantations Berhad, Kuala Lumpur 1983